



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



#KitaSemuaTeamMAS

LAPORAN TAHUNAN 2024



ABSTRAK TEMA

#KitaSemuaTeamMAS

KITA SEMUA TEAM MAS menggambarkan semangat kebangsaan yang terpancar dalam kejayaan kontinjen Malaysia **mencipta prestasi** sepanjang tahun 2024. Tahun ini menjadi saksi kepada pencapaian cemerlang atlet negara di pelbagai temasya sukan serantau dan antarabangsa hasil kerjasama strategik antara atlet, jurulatih, pentadbir, institusi sokongan dan komuniti sukan negara.

Pada masa yang sama, Kementerian Belia dan Sukan komited **menyatu aspirasi** belia Malaysia secara inklusif melalui pelaksanaan pelbagai program berimpak tinggi merangkumi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), kepimpinan, keusahawanan dan keterlibatan dalam komuniti. Pendekatan ini memastikan pembangunan sukan dan belia berjalan seiring menyuburkan bakat, memperkukuh jati diri dan memperkasa masa depan. Dengan semangat harimau yang menyala, kejayaan ini adalah milik bersama. Tekad dan iltizam, kita bukan sekadar menyokong. Kita adalah pasukan itu, **kita bersatu di bawah satu panji. KITA SEMUA TEAM MAS!**



TAHUNAN

LAPORAN

20
24



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Menara KBS
No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya
Tel: 603 8871 3000


Diterbitkan oleh:
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**
Aras 4, Menara KBS
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya
Tel: 603 8871 3000

Hakcipta Pencetak:
Penerbitan ini, kecuali mana-mana gambar yang mempunyai hak cipta, boleh diterbitkan semula secara keseluruhan, atau sebahagiannya dan dalam apa jua bentuk untuk tujuan pendidikan dan tujuan bukan komersial tanpa kebenaran khas daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan syarat pengakuan sumber dibuat. KBS amat menghargai penerimaan satu salinan mana-mana penerbitan yang menggunakan penerbitan ini sebagai sumber. Tiada penggunaan penerbitan ini boleh dibuat untuk jualan semula atau untuk sebarang tujuan komersial lain sekalipun tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada KBS.

ISSN 2289-6740



9 772289 674005





10

Kata Alu-aluan Menteri
Kementerian Belia dan Sukan

11

Mesej daripada Timbalan Menteri
Kementerian Belia dan Sukan

12

Dari Meja KSU
Kementerian Belia dan Sukan

14

Carta Organisasi
Kementerian Belia dan Sukan

20

Sorotan 2024
Kementerian Belia dan Sukan

34

Aspirasi & Prestasi KBS

- ▶ #KitaSemuaTeamMAS
- ▶ SKIL'24
- ▶ Misi Paris 2024
- ▶ Kembara Jumpa Orang Muda 2024
- ▶ SUKMA & Para SUKMA Sarawak 2024
- ▶ Rakan Muda
- ▶ Belia dan Gelombang Senyap
- ▶ E-SUKAN 2024
- ▶ Projek Reben Kuning
- ▶ Sukan Masters 2024
- ▶ MADANI di Akar Umbi
- ▶ LSK 2024
- ▶ Belia Sukarelawan, Jiwa Perubahan
- ▶ Misi Bantuan Banjir Skuad Ihsan MADANI
- ▶ Kejohanan Sukan Tempur 2024
- ▶ RM55 Juta Suntikan Semangat Baharu
- ▶ HSN 2024
- ▶ Hari Belia Negara 2024
- ▶ MPBN 2024
- ▶ KBS & 2 Tahun MADANI

76

Laporan Sektor Pengurusan

- ▶ Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- ▶ Bahagian Kewangan
- ▶ Bahagian Pembangunan
- ▶ Bahagian Akaun
- ▶ Bahagian Pengurusan Maklumat
- ▶ Bahagian Khidmat Pengurusan

Unit Komunikasi Korporat
Unit Anti-Doping Malaysia (ADAMAS)
Unit Audit Dalam
Unit Integriti
Pejabat Penasihat Undang-Undang

Laporan Sektor Strategik

- ▶ Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
- ▶ Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
- ▶ Bahagian Hubungan Antarabangsa

118

KBS & ESG
Bersinergi Demi Kelestarian

**KAN
DUN
GAN**



PENGENALAN

SEJARAH KBS

Sejarah penubuhan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bermula pada tahun 1953 dengan tertubuhnya Bahagian Kebudayaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah diberi tanggungjawab mengenai hal ehwal belia. Seterusnya pada tahun 1964, Bahagian Kebudayaan ini telah dipindahkan ke Kementerian Penerangan. Dalam masa yang sama berikutan kegiatan belia secara berpersatuan yang semakin berkembang, maka bagi tujuan memupuk serta memantau perkembangan tersebut, Bahagian Belia telah ditubuhkan di bawah Kementerian Penerangan dan pada masa sama ditubuhkan Bahagian Sukan.

KBS diwujudkan pada 15 Mei 1964 iaitu bersempena Hari Belia Negara pada tahun tersebut. Pada tahun 1972, Bahagian Kebudayaan telah diwujudkan semula dan dengan itu nama Kementerian Belia dan Sukan ini telah diubah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sehingga tahun 1987 apabila Bahagian Kebudayaan telah dipindahkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Dengan perpindahan Bahagian Kebudayaan tersebut, nama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah kembali kepada nama asalnya iaitu KBS, sehingga sekarang.

KBS telah diamanahkan untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan Malaysia khususnya dalam pembangunan belia dan sukan.



VISI

Membentuk Malaysia yang lebih sejahtera, makmur dan bersatu melalui pembangunan belia dan pembudayaan sukan.



MISI

Memacu kemajuan belia dan sukan secara holistik untuk memenuhi aspirasi negara.

Teras STRATEGIK



Pemeriksaan Belia

Dalam memperkasakan anak muda, suara anak muda akan diberi ruang dalam menentukan hala tuju dan perancangan organisasi, potensi belia akan digilap sepenuhnya dan diiktiraf. Kepimpinan anak muda diasuh dalam melahirkan belia bertaraf global dan menyantuni komuniti.

Kualiti Kesejahteraan Hidup

Meningkatkan tahap kelangsungan hidup dan kesejahteraan menjadi matlamat utama setiap individu, tidak terkecuali belia, kerana mereka merupakan kumpulan yang berpotensi mempengaruhi masa depan sesebuah negara. Sehubungan itu, beberapa faktor harus diambil kira seperti tahap pendidikan, kesihatan dan sumber pendapatan mereka. Maka tahap kelangsungan hidup dan kesejahteraan mereka perlu diberi perhatian sewajarnya.



Penciptaan Pekerjaan

Pasaran kerja kini lebih bersifat dinamik ekoran perubahan pesat dalam penggunaan teknologi terkini dan kepelbagaian keperluan oleh majikan. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai isu dalam pasaran kerja dan dirumitkan lagi oleh prestasi ekonomi negara semasa yang agak sederhana. Penciptaan peluang pekerjaan baharu yang perlahan dilihat tidak senada dengan limpahan graduan dalam pasaran kerja. Justeru, KBS dalam usaha mencipta peluang pekerjaan dan medium yang sesuai untuk generasi muda.

Memperkasakan Tadbir Urus

Bagi memperkasakan tadbir urus, KBS telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya dengan mengamalkan tadbir urus yang baik dan berintegriti. KBS telah melancarkan Pelan Integriti KBS antaranya menggariskan perolehan yang telus (*Open Tender*), penempatan Pegawai SPRM di KBS, melaksanakan program *auditing*, pengisytiharan harta Menteri dan Pegawai Pejabat Menteri dan akhir sekali memuktamadkan *Corruption Risk Management (CRM)* dengan kerjasama SPRM.



1

Memaklumkan keputusan permohonan bantuan aktiviti yang dikemukakan oleh pertubuhan belia/badan sukan dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh mesyuarat.

Meluluskan pendaftaran pertubuhan belia dalam tempoh lima (5) hari dengan syarat permohonan memenuhi garis panduan yang ditetapkan.

2

3

Meluluskan pendaftaran badan sukan dalam tempoh tujuh (7) hari dengan syarat memenuhi garis panduan yang ditetapkan.

Memaklumkan keputusan permohonan kemasukan ke IKBN/IKTBN dalam tempoh tiga (3) minggu selepas permohonan ditutup.

4

5

Menjelaskan tuntutan bayaran dalam tempoh empat belas (14) hari dengan syarat dokumen yang dikemukakan adalah lengkap.

Mengesahkan penerimaan aduan dalam tempoh satu (1) hari bekerja dan memberikan maklum balas aduan dalam tempoh tiga (3) hari.

6

PIAGAM

PELANGGAN KBS





LAPORAN TAHUNAN

2024



KATA ALU- ALUAN



Salam Hormat dan Salam Malaysia MADANI,

Secara keseluruhannya tahun 2024 merupakan tahun kecemerlangan atlet negara dalam beberapa acara dan menjadi tumpuan dunia! Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melancarkan kempen Kita Semua Team MAS yang merupakan kempen tanda sokongan kepada atlet negara yang bertanding dan berjuang untuk menaikkan nama Malaysia di mata dunia.

Tentunya saya dan rakyat Malaysia berbangga dengan pencapaian seperti Bonnie Bunyau Gusti di dalam Temasya Sukan Paralimpik Paris 2024 melalui acara *powerlifting* bagi kategori 72 kg telah memecahkan rekod dunia dengan angkatan seberat 232 kg. Usaha, semangat dan iltizam Bonnie sewajarnya ada dalam setiap diri kita.

Selain itu, pencapaian pasukan dan atlet lain seperti pasukan sepak takraw yang menjadi juara dalam kejohanan Piala Dunia Sepak Takraw; kejayaan pasukan skuad silat *senior* dan *junior* negara yang cemerlang di Kejohanan Pencak Silat Dunia; kejayaan pasukan e-sukan di Piala Dunia 2024 FIFAE (*eFootball Mobile*) dan kejayaan Nor Rinda Ramli dalam mencipta sensasi muncul juara dunia dalam kejohanan Piala Dunia *Woodball* sukan yang kurang popular di Malaysia menjadi inspirasi kepada kita.

Beberapa inisiatif KBS seperti Program Skrin Besar, Kemahiran Latihan Asas Sukan (KLAS) Renang kepada warga emas dan golongan kurang upaya (OKU), Sukan *Masters*, Rakan Muda, program *Skills for Life* (SFL) dan beberapa program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di ILKBS disesuaikan dengan keperluan semasa bagi memenuhi keperluan pemegang taruh KBS.

Oleh itu, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua terutamanya sokongan dan kerja keras warga KBS dalam semua peringkat yang berusaha untuk menjayakan pelbagai agenda negara dan program untuk semua.

Terima kasih dan anda sememangnya terbaik!

Salam hormat dan terima kasih,

YB Hannah Yeoh
Menteri Belia dan Sukan



Beberapa inisiatif KBS seperti Program Skrin Besar, Kemahiran Latihan Asas Sukan (KLAS) Renang kepada warga emas dan golongan kurang upaya (OKU), Sukan *Masters*, Rakan Muda, program *Skills for Life* (SFL) dan beberapa program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di ILKBS disesuaikan dengan keperluan semasa bagi memenuhi keperluan pemegang taruh KBS.



Assalamualaikum dan Salam Malaysia MADANI,

Syukur Alhamdulillah ke hadirat Ilahi atas limpah kurnia-Nya kerana tahun 2024 telah menyaksikan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mencapai kemajuan dan keberhasilan dalam mewujudkan Malaysia yang lebih sejahtera, makmur dan progresif melalui pembangunan belia serta pembudayaan sukan.

Melihat peluang untuk mempererat hubungan antara golongan belia dan kerajaan, Program Kembara Jumpa Orang Muda (JOM) memberi impak yang positif dengan pelaksanaannya di 25 lokasi seluruh negara dengan penglibatan melebihi 20,000 golongan belia. Suara, aspirasi dan inspirasi anak muda tanpa mengira bangsa, agama dan latar belakang yang disantuni ketika Kembara JOM akan dijadikan landasan dan dasar selaras dengan penetapan umur belia yang baharu bermula 1 Januari 2026.

Mengamati keadaan semasa, golongan belia menghadapi pelbagai cabaran yang kompleks. Bagi memastikan kesiapsiagaan golongan belia, KBS menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) juga telah memberi nafas baharu kepada Rakan Muda dengan melaksanakan program-program yang dapat menarik minat golongan belia untuk menambah ilmu pengetahuan, mencungkil bakat, meneroka potensi diri dan pengisian masa dengan aktiviti-aktiviti bermanfaat melalui 10 gaya hidup Rakan Muda.

Kemajuan dan kepesatan teknologi telah membuka ruang dan peluang kepada golongan belia di Malaysia untuk menceburi bidang e-sukan. Kejayaan *Selangor Red Giant (SRG)* dalam menjuarai aksi e-sukan pada peringkat antarabangsa di Kejohanan *Mid Season Cup Mobile Legend Bang Bang (MLBB) 2024* di Amazon Arena Riyadh, Arab Saudi telah mengubah persepsi pelbagai pihak terhadap e-sukan. Kini, e-sukan semakin berkembang dan fokus KBS kini adalah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan mencungkil lebih ramai bakat dalam kalangan golongan belia untuk menceburi e-sukan.

Saya mengambil ruang dan peluang ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha KBS dan seluruh warga KBS atas komitmen dan sokongan berterusan dalam memajukan agenda belia dan sukan di negara ini. Insyallah, kita akan teruskan momentum ini pada tahun 2025 dan mendatang.

Sekian dan terima kasih.

YB Adam Adli Abd Halim
Timbalan Menteri Belia dan Sukan



Mengamati keadaan semasa, golongan belia menghadapi pelbagai cabaran yang kompleks. Bagi memastikan kesiapsiagaan golongan belia, KBS menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) juga telah memberi nafas baharu kepada Rakan Muda dengan melaksanakan program-program yang dapat menarik minat golongan belia untuk menambah ilmu pengetahuan, mencungkil bakat, meneroka potensi diri dan pengisian masa dengan aktiviti-aktiviti bermanfaat melalui 10 gaya hidup Rakan Muda.



Salam Hormat dan Salam Malaysia MADANI,

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pasukan penerbitan Buku Laporan Tahunan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) 2024 atas usaha mereka dalam merangkumkan segala pencapaian dan program sepanjang tahun 2024. Laporan ini bukan sekadar rekod, tetapi merupakan cerminan komitmen, dan kesungguhan setiap warga KBS untuk memacu pembangunan belia dan sukan negara.

Bagi saya, tahun 2024 merupakan tahun yang penuh dengan kejayaan bagi KBS. Kejayaan-kejayaan yang dikecapi ini merupakan hasil kerjasama erat pelbagai pihak yang turut serta dalam memastikan visi pembangunan belia dan sukan dapat direalisasikan. Kejayaan ini bukan sesuatu yang muncul begitu sahaja, tetapi merupakan hasil dedikasi setiap warga KBS yang berusaha dengan tekad dan semangat tinggi untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat.

Sebagai sebuah kementerian yang mengemudi agenda reformasi belia dan sukan negara, saya percaya setiap inisiatif yang telah dilaksanakan adalah bukti kesungguhan kita dalam menjayakan aspirasi Malaysia MADANI. Kita bukan sahaja berhasrat melahirkan lebih ramai jaguh sukan dari peringkat akar umbi, tetapi juga membentuk generasi belia yang mempunyai jati diri yang tinggi, berdaya tahan, dan memiliki minda juara dalam mendepani segala cabaran.

Di KBS, kita menyahut seruan kepimpinan tertinggi dengan mengutamakan keseronokan bekerja, berlandaskan disiplin dan integriti yang tinggi. Saya percaya keseronokan dan kegembiraan di tempat kerja, akan diterjemahkan kepada produktiviti yang tinggi di samping mewujudkan ukhuwah yang kukuh dalam kalangan warga KBS. Saya yakin bahawa KBS dapat menjadi agensi cemerlang hasil usaha warga KBS dan kepimpinan anggota pentadbiran, yang bersama-sama mengambil pendekatan tegas memerangi rasuah di samping mengekalkan tahap tatakelola yang tinggi. Saya juga percaya usaha KBS ke arah pendigitalan, kelestarian, kecemerlangan, ketelusan dan penyampaian yang sensitif masa akan terus menyemarakkan agenda Reformasi Kerenah Birokrasi.

Saya berharap KBS akan terus unggul dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan pemegang taruh kita. Bersama-sama, kita mara sebagai satu pasukan untuk melaksanakan yang terbaik untuk negara!

Sekian, terima kasih.

YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan



Di KBS, kita menyahut seruan kepimpinan tertinggi dengan mengutamakan keseronokan bekerja, berlandaskan disiplin dan integriti yang tinggi. Saya percaya keseronokan dan kegembiraan di tempat kerja, akan diterjemahkan kepada produktiviti yang tinggi di samping mewujudkan ukhuwah yang kukuh dalam kalangan warga KBS.



LAPORAN TAHUNAN

2024



CARTA ORGANISASI KBS



YB HANNAH YEOH
Menteri



YB ADAM ADLI BIN ABD HALIM
Timbalan Menteri



YBHG. Ts. Dr. NAGULENDRAN KANGAYATKARASU
Ketua Setiausaha
PTD / GRED UTAMA A



ABDULLAH BIN HASAN
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
PTD / GRED UTAMA B



BAHAGIAN PEMBANGUNAN
AMIR HAMZAH BIN AWANG CHAZALI
Setiausaha Bahagian
PTD M14



BAHAGIAN KEWANGAN
OTHMAN BIN ABDULLAH
Setiausaha Bahagian
PTD M14



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
NORAIDA BINTI MOHD NADZIR
Setiausaha Bahagian
Peg. Teknologi Maklumat P14

BAHAGIAN AKAUN
STI AISHAH BINTI ABDUL KADIR
Ketua Akauntan
Akauntan W14

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
RAFD'AH BINTI MOHD YAMAN
Setiausaha Bahagian
PTD M14

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
RICHARD BARAHIM
Setiausaha Bahagian
PTD M13



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JUNAINAH BINTI MOHD ZAID
Ketua Unit Komunikasi Korporat
Gred 14 Terbuka



UNIT AUDIT DALAM
HEMA LATHA KUMARESAN
Ketua Unit Audit Dalam
Juruaudit W13



UNIT INTEGRITI
GEETHA RAMACHANDRAN
Ketua Unit Integriti
PTD M13



UNIT ANTI-DOPING MALAYSIA (ADAMAS)
KOSONG
Pengerah
Pegawai Belia dan Sukan S14



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG
NORMIE BAIZURA BINTI AMIRUDDIN
Penasihat Undang-Undang
Pegawai Undang-Undang U13



MAJLIS SUKAN NEGARA (MSN)
RAJI ABDUL RASHID BIN YAAKUB
Ketua Pengerah
Gred Utama C Terbuka



INSTITUT SUKAN NEGARA (ISN)
AHMAD FAEDZAL BIN MD RAMLI
Ketua Pegawai
Eksekutif
Gred Utama C Terbuka





INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)
DR. VELLAPANDIAN A.L. PONNUSAMY
Ketua Pegawai
Eksekutif
Gred Utama C Terbuka



PERBADANAN STADIUM MALAYSIA (PSM)
ILYAS BIN JAMIL
Ketua Pegawai
Eksekutif
Gred 13 Terbuka

PETUNJUK

-  Badan Berkanun Persekutuan
-  Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) / Syarikat

Carta Organisasi KBS pada 31 Disember 2024



RAMONA BINTI MOHD RAZALI
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)
PTD / GRED UTAMA B



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA
DALILA BINTI SHARINGAT
Pegarah Kemahiran
Gred Utama C Terbuka



BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK
JEFFERY BIN YON
Setiausaha Bahagian
PTD M14



BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA
ADRIAN LEONG TIAM EE
Setiausaha Bahagian
PTD M13



JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA (JBSN)
AZURA BINTI ABIDIN
Ketua Pengarah
Gred Utama B Terbuka



PEJABAT PESURUHJAYA SUKAN (PPS)
SUHARDI BIN ALIAS
Pesuruhjaya Sukan
Gred Utama C Terbuka



PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA (PPPBM)
HASNATA BIN HASAN
Pendaftar Pertubuhan Belia
Pegawai Belia dan Sukan S14



PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG (PPGS)
KOSONG
Ketua Pegawai Eksekutif
Gred 13 Terbuka



PUSAT BELIA ANTARABANGSA (IYC)
DR. HAJI MOHAMED MALIKI BIN MOHAMED RAPIIE
Pegarah



IMPACT INTEGRATED (IMPACT)
AHMED FARIS BIN AMIR
Ketua Pegawai Eksekutif



SEPANG INTERNATIONAL CIRCUIT SDN BHD (SIC)
AZHAN SHAFRIMAN BIN HANIF
Ketua Pegawai Eksekutif



YBRS. RAMONA BINTI MOHD RAZALI
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(STRATEGIK)

YBHG. Ts. Dr. NAGULENDRAN
KANGAYATKARASU
KETUA SETIAUSAHA

YBRS. ABDULLAH BIN HASAN
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PENGURUSAN)

PENGURUSAN TERTINGGI



SETIAUSAHA BAHAGIAN & KETUA UNIT



AGENSI



*Pada 31 Disember 2024



LAPORAN TAHUNAN

2024

SOROTAN KBS





**Skrin Besar Piala Asia 2023
(Korea Selatan vs Malaysia)**

Putrajaya dan Stadium
Nasional Bukit Jalil



**Majlis Pembukaan Kejohanan Cabaran
Sukan Wanita Peringkat Kebangsaan**

Sports Arena @ UNITEN, Kajang



Majlis Perasmian Digital Sports Arena i-City

i-City, Shah Alam



**Aktif @ KBS - Latihan Mobiliti yang dikendalikan oleh Institut Sukan Negara
(ISN), disertai oleh YB Hannah Yeoh, pengurusan tertinggi dan warga KBS**

Menara KBS



**YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan
turun padang bersama-sama Sukarelawan
Anak Malaysia (SATRIA) menjalankan usaha
khidmat komuniti**

Rumah Jagaan dan Rawatan Orang Tua
Al-Ikhlas, Puchong



Hari Terbuka Putrajaya
Perbadanan Putrajaya



Program Rakan Muda
Turun Padang @ Langkawi

Kampung Kuala Terlang,
Langkawi, Kedah



Kem Muzik Rakan Muda
@ Kuala Lumpur 2024

The Kuala Lumpur Performing
Arts Centre (KLPAAC), Sentul



Majlis Penyerahan Projek Menaiktaraf
dan Baik Pulih Balapan (Trek Sintetik)

Stadium Darul Makmur, Kuantan, Pahang



Program MADANI
Rakyat Zon Tengah

Kompleks Sukan Kuala Selangor



Seminar Kod Sukan Selamat -
Antigangguan Seksual Dalam Sukan

Institut Sukan Negara (ISN)



Piala Dunia Sepak Takraw ISTAF
Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur



Program Senamrobik Komuniti Peringkat Wilayah
Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2024

Dataran Perumahan Awam Seri Selangor, Cheras



Pelancaran dan pengumuman laluan
PETRONAS Le Tour de Langkawi 2024

Bukit Jalil, Kuala Lumpur.



Majlis Berbuka Puasa bersama Persatuan
Penulis-Penulis Sukan Malaysia (SAM)

Kelab Golf Negara Subang, Petaling Jaya, Selangor



Klinik Bola Sepak NFPD
Padang Kampung Orang Asli Peretak



Majlis Perasmian Simulator Golf
Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS)
Menara KBS



Majlis Pelancaran Indeks Kesehatan Mental Belia Malaysia 2023 (MyMHl'23). Turut hadir YB Menteri Kesehatan Malaysia
Hotel Zenith, Putrajaya



Majlis Pelancaran Sambutan Play True Day Tahun 2024
Axiata Arena, Bukit Jalil



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Malaysia Aviation Group (MAG) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

MAB Academy, Sepang



Majlis Penyerahan Trek Motorcross Sungai Batu Pahat Kangar, Perlis



DYMM Pemangku Raja Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail berkenan mencemar duli berangkat ke Majlis Perasmian Sambutan Hari Belia Negara (HBN) Peringkat Negeri Perlis Tahun 2024

Dataran Lok 9, Kuala Perlis



YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangaytkarasu, Ketua Setiausaha KBS telah menerima kunjungan hormat daripada Mr. Simon Fellows, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia

Menara KBS



Program Semarak HBN @ KBS 2024

Podium A, Menara KBS



Asia/Oceania Region Intergovernmental Ministerial Meeting on Anti-Doping in Sport (AORIM)

Tashkent, Uzbekistan



Majlis Pra Pelancaran Hari Belia Negara (HBN)

Menara Tameng Sari, Melaka



Majlis Anugerah Sukan Negara 2023

Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil



Majlis Pelancaran Program
Senaman Warga Emas 2024

Taman Rakyat Kiang, Selangor



Majlis Pelancaran Program Inspire OKU Aktif @ Hujung Minggu 2024

Dataran DBKL, Kuala Lumpur



YBhg. Ts. Dr. Nagulendran
Kangaytkararu, Ketua Setiausaha
KBS hadir ke Sukan Perpaduan 2024

Kompleks Sukan Kota Kinabalu, Sabah





Tayangan Skrin Besar Filem Boboiboy
Dataran Putrajaya



Sidang Media Program Fast Track Squash di
Bawah Inisiatif Jawatankuasa Road To Gold
Dewan Banquet Casa 4, MSN Bukit Jalil



Majlis Perasmian Women to Women Coaching Symposium 2024
Hotel Zenith, Putrajaya



Majlis Perasmian Penutup Dan Penyampaian Hadiah
Youth Robot Challenge 2024 Bersama YBTM

IKTBN Bukit Mertajam



Lawatan YBM & YBTM ke Mini ESports
Convention

Dewan Banquet, Parlimen Malaysia



Majlis Penutup Pertandingan Lompat Tali
Terbuka KBS Peringkat Kebangsaan Tahun 2024

IOI City Mall, Putrajaya





KLAS Renang Khas Parlimen Kota Melaka
RNJ Swimming Academy Kota Laksamana, Melaka



Kembara JOM Peringkat Negeri Pahang
di Dewan Dato' Sri Abdul Manan Ismail
Kuantan



YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
telah mengadakan pertemuan dengan pasukan
sepak takraw negara
Pejabat Perdana Menteri (PMO), Putrajaya



Pelancaran Aplikasi Sports Aviation Management System (SAMS)
Menara KBS, Putrajaya



Majlis Peluncuran Program Santuni MADANI - Satu
Pemimpin Satu Kampung Kementerian Belia dan Sukan
Kampung Orang Asli Buloh Telor, Kuala Kubu Bharu



Hari Terbuka KBS 2024 Siri 1
Podium, Menara KBS





Majlis Pra Perasmian Hari Sukan Negara 2024
Menara KBS



Majlis Perlepasan Kontinjen Malaysia ke Temasya Sukan Paralimpik Paris 2024
KLIA, Sepang



YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Walid Abu Ali, Duta Palestin di Malaysia
Menara KBS



Kembara Jumpa Orang Muda Peringkat Negeri Sarawak
Curtin Universiti Malaysia, Miri Sarawak



Beregu badminton lelaki negara, Aaron Chia & Soh Wooi Yik menerima hadiah kenderaan utiliti sukan (SUV) daripada Chery Malaysia selepas kejayaan memenangi pingat gangsa di Sukan Olimpik Paris
Chery Showroom, Bukit Puchang



Melawat sesi latihan pelapis sepak takraw wanita Pahang
SK Betau, Kuala Lipis





Majlis Pengenalan Pasukan PETRONAS Le Tour de Langkawi 2024
 Dataran Lang, Langkawi



Majlis Perlepasan Kontinjen Negara ke Worldskills Competition (WSC) Lyon 2024
 KLIA



YAB Perdana Menteri menerima kunjungan hormat daripada pasukan E-Sukan Selangor Red Giants (SRG) yang telah mencipta sejarah dengan menjuarai Kejohanan Mid-Season Cup Mobile Legends: Bang Bang (MLBB) 2024
 Pejabat Perdana Menteri (PMO), Putrajaya



Konsert Jiwa Malaysia
 Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil





Istiadat Konvokesyen IKBN Miri Ke-16
Dewan Serbaguna IKBN Miri



Program Santuni MADANI KBS
Kg. Spang Loi, Segamat, Johor



Seminar Wanita Dalam Sukan Kebangsaan 2024
Dorsett Grand Subang



Hari Sukan Negara Peringkat Kelantan
Aeon Mall Kota Bharu



Hari Sukan Negara Peringkat Kebangsaan
Dataran Putrajaya



Majlis Selamat Belayar Kontinjen Malaysia ke Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun ke-48 2024

Pusat Belia Antarabangsa (IYC)



Majlis Peluncuran Rakan Demokrasi Kuasa Orang Muda

MMU Cinema, Multimedia University, Cyberjaya



Grand Prix (GP) Motosikal Malaysia 2024

Litar Antarabangsa Sepang (SIC)



YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan hadir di Majlis M6 Unveiling: Greater Than Ever

Space Rubix Puchong



Rakan Muda Jom Teroka Industri Getah

Lembaga Getah Malaysia



Misi Penghantaran Bantuan Banjir Skuad Ihsan MADANI - SATRIA Rakan Muda KBS
Menara KBS



Pertandingan Akhir Debat Rakan Muda Debating Championship
Selangor State Level 2024
Impact Integrated, Puchong



Konvensyen Kebangsaan Matlamat Pembangunan
Mampan (SDG) Belia Malaysia

Pusat Belia Antarabangsa, Cheras



Majlis Perasmian Kejohanan Sukan Orang Pekak Asia
Pasifik (APDG) ke-10

The Pearl Kuala Lumpur Hotel





2024

LAPORAN TAHUNAN

ASPIRASI & PRESTASI KBS



#KitaSemuaTeamMAS

Gerakan Nasional Semarakkan Semangat Atlet Malaysia ke Paris 2024



"Kepada semua atlet Malaysia, Team MAS ini adalah untuk anda! Teruslah berjuang dan menjadi idola serta penyuntik semangat kesukanan kepada anak-anak Malaysia. Kami sentiasa bersama anda!"

— YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan

50 hari menjelang detik bersejarah di Paris 2024.

Pada 6 Jun 2024, satu suara telah dilaungkan. Satu semangat telah dinyalakan. Kempen "Kita Semua Team MAS" yang dilancarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menjadi simbol perpaduan nasional dan semangat kesukanan rakyat Malaysia menyokong wira dan wirawati negara yang akan berjuang di pentas Olimpik.



SUKAN MENYATUKAN KITA

Dilancarkan di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil, inisiatif ini membawa mesej yang jelas bahawa setiap rakyat Malaysia adalah sebahagian daripada pasukan kebangsaan.

"Kita Semua Team MAS bukan hanya tentang Sukan Olimpik. Setiap kali atlet Malaysia melangkah keluar negara, semangat ini dibawa bersama," jelas YB Hannah Yeoh.



Kita Bukan Sekadar Penonton,

**Kita Adalah
Penyokong,
Pengerak,
Pendorong!**

Lebih Daripada Slogan.
**Ini Ikrar Sebuah
NEGARA**

"Saya tahu, sukan adalah penggerak perpaduan di Malaysia dan ini satu panggilan untuk kita semua bersama," – YB Hannah Yeoh

Kempen ini mengajak seluruh rakyat untuk:

- Menyokong atlet tempatan tanpa mengira latar belakang.
- Menyemarakkan semangat patriotik menerusi sukan.
- Menjadikan sukan sebagai penghubung perpaduan nasional.
- Menyertai #KitaSemuaTeamMAS di media sosial bagi menunjukkan sokongan kepada atlet.

Dalam setiap larian, kayuhan, lontaran dan pukulan atlet negara membawa bukan sahaja bendera, tetapi harapan 33 juta rakyat.





**Ayuh Rakyat
Malaysia!**

Sorakan, sokongan dan keyakinan anda semuanya bermakna.

Kita Semua #TeamMAS!
 Dari desa ke kota, dari sekolah ke stadium, setiap sorakan dan doa kalian menjadi semangat buat mereka. Bersama kita bangkitkan semangat, bersama kita harungi setiap detik gemilang! ■



SKIL'24

Menyahut Cabaran, Membina Masa Depan Belia Malaysia



Fokus: Masa Depan TVET Sukan

"Kami mahu pastikan lebih ramai belia Malaysia terlibat dalam TVET Sukan dan menyediakan perkhidmatan sukan yang lebih murah dan mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat."

— YB Hannah Yeoh,
Menteri Belia dan Sukan
15 November 2024

Industri sukan bukan lagi hanya tentang jaguh di gelanggang. Ia kini berkembang menjadi sektor bernilai tinggi yang memerlukan kepakaran teknikal, pengurusan profesional dan inovasi teknologi.

Menyadari potensi ini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menganjurkan Simposium Kemahiran ILKBS 2024 (SKIL'24). Program ini adalah satu medan libat urus antara belia, penyedia latihan dan pemain industri untuk mengangkat TVET dalam bidang sukan ke tahap lebih tinggi.

Sesi libat urus di **SKIL'24** menghimpunkan:

- **56** peserta daripada pelbagai sektor.
- **32** organisasi termasuk kelab profesional, institusi sukan dan syarikat teknologi.

Bidang-bidang strategik yang dibincangkan:

- Pengurusan & penyelenggaraan fasiliti sukan
- Permotoran sukan (dua & empat roda)
- Fotografi sukan
- Teknologi sukan

TRANSFORMASI

TVET Sukan

IKBN Kuala Langat bakal menjadi Institut Kemahiran Sukan Negara (IKSN) mulai 2025 sebagai pusat latihan utama dalam teknologi dan kemahiran sukan.



TVET + Ekonomi GIG

Pada 23 April 2024, KBS memeterai MoU bersama lima rakan industri:

- Pcari.my
- TROOPERS
- Foodpanda
- CARSOME
- Bateriku.com

Hasilnya?

- Program modular & pensijilan mikro dalam bidang-bidang seperti:
 - Teknologi sukan
 - Fesyen & pakaian
 - Automotif
 - Hospitaliti
 - Kosmetologi
 - ICT
 - Elektrikal & mekanikal



Sasaran manfaat:

- 2,000 pelajar ILKBS
- 3,000 belia umum



SKIL'24

Bukan Penamat, Tapi PERMULAAN

KBS melalui SKIL'24 dan program TVET Sukan membina landskap baharu industri sukan Malaysia. Inisiatif ini bukan sekadar untuk mencipta atlet, tetapi untuk melahirkan jurulatih, jurutera, juruteknik, pengurus acara dan profesional sukan bertaraf global.

Ini adalah gerakan transformasi yang mengubah belia pencari kerja menjadi belia pencipta nilai dalam dunia sukan. ■



Misi

PARIS 2024

Rekod Tercipta, Sejarah Direkod

Dari 26 Julai hingga 11 Ogos 2024, Sukan Olimpik Paris membakar semangat nasional! Malaysia menghantar 26 wira dan wirawati ke pentas sembilan sukan berbeza, merangkumi acara seperti angkat berat, badminton dan basikal. Dua pingat gangsa dalam badminton adalah pencapaian hebat, tetapi cerita sebenar terletak pada keberanian, semangat juang dan pencapaian luar biasa setiap atlet.

Pingat Badminton – Aksi Penuh Drama

- **Aaron Chia & Soh Wooi Yik:** Berjaya menewaskan juara Denmark, Kim Astrup & Anders Skaarup Rasmussen dalam perlawanan tiga set yang mendebarkan, membawa pulang gangsa dalam acara beregu lelaki.
- **Lee Zii Jia:** Kembali ke podium Olimpik selepas mengharungi laluan penuh cabaran membuktikan bahawa semangat tidak pernah padam.



Atlet	Acara	Rekod Baharu
Datuk Azizulhasni Awang	Pecut Basikal Lelaki	9.402 saat
Nurul Izzah Izzati	Pecut Basikal Wanita	10.709 saat
Aniq Kasdan	Angkat Berat 61kg Lelaki	297 kg total



Aniq Kasdan: Debut Olimpik di Paris berakhir di tempat ke-4, hanya 1 kg daripada gangsa. Cemerlang dalam acara *Snatch* (130 kg) dan *Clean & Jerk* (167 kg).



- **Nurul Izzah Izzati:** Mengekalkan momentum dengan memecahkan rekod baharu 10.709 saat selepas mencatat 10.903 saat di Kejohanan Asia 2023.
- **Datuk Azizulhasni:** Terus mengukir nama dalam sejarah basikal Malaysia dengan catatan 9.402 saat.

PASUKAN BADMINTON: Rentak Sejarah

- **Pearly Tan & Thinaah Muralitharan:** Beregu wanita pertama Malaysia mencipta kejutan dengan mara ke separuh akhir Olimpik setelah berjaya keluar dari 'Kumpulan Maut' dan menumbangkan juara dunia Tokyo 2020!
- **Chen Tang Jie & Toh Ee Wei:** Mencipta sejarah! Beregu campuran Malaysia melangkah ke suku akhir Olimpik buat pertama kali sejak 2016 selepas menunjukkan prestasi cemerlang di peringkat kumpulan.

Senarai atlet ke Sukan Olimpik Paris 2024

Senarai 26 orang atlet Malaysia telah menyertai cabaran di Sukan Olimpik Paris 2024 melibatkan 10 jenis sukan iaitu terjun, renang, sukan pelayaran, menembak, berbasikal, angkat berat, badminton, golf dan olahraga.

- **Bertrand Rhodict Lises:** Terjun (10 meter platform lelaki)
- **Nur Dhabitah Sabri:** Terjun (3 meter papan anjal wanita)
- **Khiew Hoe Yean:** Renang (400 meter gaya bebas lelaki)
- **Tan Ruoxin:** Renang (100 meter kuak dada)
- **Nur Shazrin Mohamad Latif:** Sukan pelayaran (ILCA 6)
- **Khairulnizam Mohd Afendy:** Sukan pelayaran (ILCA 7)
- **Jonathan Wong:** Menembak (10 meter *air pistol* lelaki)
- **Ariana Nur Dania:** Memanah (Individu dan berkumpulan wanita)
- **Syaqiera Mashayikh:** Memanah (berkumpulan wanita)
- **Nurul Azreena Mohamad Fazil:** Memanah (berkumpulan wanita)
- **Nur Aisyah Mohamad Zubir:** Basikal (lebuhraya)
- **Dato' Azizulhasni Awang:** Berbasikal (*Sprint and Keirin*)
- **Muhammad Shah Firdaus Sahrom:** Berbasikal (*Sprint and Keirin*)
- **Nurul Izzah Izzati Mohd Asri:** Berbasikal (*Sprint and Keirin*)
- **Mohamad Aniq Kasdan:** Angkat Berat (Kategori 61 kg lelaki)
- **Aaron Chia and Soh Wooi Yik:** Badminton (beregu lelaki)
- **Pearly Tan and Thinaah Muralitharan:** Badminton (beregu wanita)
- **Chen Tang Jie and Toh Ee Wei:** Badminton (beregu campuran)
- **Goh Jin Wei:** Badminton (Wanita)
- **Lee Zii Jia:** Badminton (Lelaki)
- **Gavin Kyle Green:** Golf (Lelaki)
- **Ashley Lau Jen Wen:** Golf (Wanita)
- **Azeem Fahmi:** Olahraga 100 meter (Lelaki)



KEKUATAN ATLET PARALIMPIK: 5 PINGAT, 1 SEMANGAT

28 Ogos – 8 September 2024 menyaksikan kontinjen paralimpik Malaysia membawa pulang 5 pingat — **2 emas, 2 perak dan 1 gangsa!**

Setiap atlet membuktikan bahawa keterbatasan bukan penghalang:

2 Emas	2 Perak	1 Gangsa
CHEAH LIEK HOU Badminton perseorangan lelaki SU5 (<i>kecacatan fizikal</i>)	MUHAMMAD ZIYAD ZOLKEFLI Lontar peluru lelaki F20 (<i>kecacatan intelektual</i>)	EDDY BERNARD Olahraga – 100 meter lelaki T44 (<i>kecacatan fizikal</i>)
BONNIE BUNYAU GUSTIN Powerlifting negara bagi kategori lelaki 72 kilogram (kg)	DATUK ABDUL LATIF ROMLY Olahraga - Lompat jauh lelaki T20 (<i>kecacatan intelektual</i>)	



🥇 **Cheah Liek Hou (SU5)** – Emas, menewaskan wakil Indonesia 21-13, 21-15 untuk mempertahankan gelaran Tokyo 2020.



🥇 **Bonnie Bunyau Gustin (72 kg)** – Emas, memecah rekod dunia (232 kg)!

Majlis penganugerahan di Paris dihadiri oleh YB Hannah Yeoh, Ts. Dr. Nagulendran Kangayatarasu (KBS) dan En. Abdul Rashid Yaakub (MSN), diserikan dengan sorakan dan penghormatan meriah.

Perdana Menteri (PM) Datuk Seri Anwar Ibrahim mengucapkan tahniah kepada jaguh badminton para negara, Cheah Liek Hou yang merangkul pingat emas pertama Malaysia pada Sukan Paralimpik Paris 2024.



- 🥈 **Muhammad Ziyad Zolkefli (F20)** – Perak dalam lontar peluru (17.18 meter).
- 🥈 **Datuk Abdul Latif Romly (T20)** – Perak dalam lompat jauh (7.45 meter), memecah rekod sendiri 7.30 meter dari Kobe 2024.



🥉 **Eddy Bernard (T44)** – Gangsa 100 meter, catat rekod Asia 11.58 saat (mengatasi 11.75 saat sebelumnya).



“Tahniah! Saudara mengharumkan nama Malaysia di persada dunia!”

— Datuk Seri Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri |
Media Sosial X

Kenangan PARIS 2024

Malaysia bukan sekadar meraih pingat, tetapi melakar sejarah dan menyalakan inspirasi. Di Paris, kita bukan sekadar peserta, kita adalah pejuang yang mengukir nama. Mereka adalah bukti nyata: semangat Malaysia mampu mengibarkan jalur gemilang, memecah rekod, dan membuka jalan gemilang menuju Los Angeles 2028 dan seterusnya! 🇲🇾

Kembara Jumpa ORANG MUDA 2024

Suara Belia, Tanggungjawab Bersama

“Saya rasa ini satu pendekatan dan peluang yang sangat baik di mana secara realistik apabila kita buat sebarang dasar walaupun hanya di peringkat Kementerian Belia dan Sukan, kita kena ambil input ataupun pandangan yang sangat berbeza sebenarnya.”

— YB Adam Adli,
Timbalan Menteri Belia dan Sukan | Sarawak
Utusan Borneo, 4 Ogos 2024

Sepanjang tahun 2024, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan satu inisiatif akar umbi berskala nasional iaitu **Kembara Jumpa Orang Muda (Kembara JOM) 2024** yang membuka ruang kepada suara belia untuk didengar, dirasai dan diterjemah kepada dasar negara.

Dipimpin oleh **YB Adam Adli**, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, program ini bukan sekadar sesi turun padang, tetapi satu gerakan dialog nasional yang mencerminkan komitmen kerajaan untuk membina negara bersama anak muda.



Mendekat, Mendengar, Menyantuni

Siri jelajah ini merangkumi:

- **Sesi townhall** bersama belia setempat.
- **Bengkel interaktif** tentang isu semasa.
- **Lawatan** ke komuniti dan inisiatif belia tempatan.
- **Kolaborasi** bersama agensi kerajaan, NGO dan penggerak akar umbi.

Kembara ini merentasi **14 negeri, 25 lokasi** dan menyantuni lebih **20,000 belia** dari kawasan metropolitan hingga ke pedalaman Sabah dan Sarawak, serta komuniti pesisir pantai. Program ini mencerminkan pendekatan **inklusif dan holistik** dalam usaha kerajaan mendengar denyut nadi anak muda Malaysia.

ISU & ASPIRASI: APA KATA ANAK MUDA?

Empat tema utama muncul secara konsisten dalam setiap lokasi yang diziarahi:

■ Peluang Pekerjaan & Keusahawanan

Belia mahukan peluang ekonomi yang lebih lestari dan saksama, termasuk latihan kemahiran, akses pembiayaan mikro dan program keusahawanan yang mudah diakses di kawasan luar bandar.

■ Kesejahteraan Mental & Sosial

Isu kesihatan mental, tekanan kos sara hidup dan kurangnya ruang sokongan komuniti antara kebimbangan yang sering dikongsi.

■ Penglibatan dalam Dasar Awam

Ramai yang mahu lebih banyak ruang menyuarakan pandangan serta dilibatkan dalam proses pembuatan dasar secara aktif.

■ Kelestarian Alam & Perubahan Iklim

Belia kini lebih sedar tentang krisis iklim dan menuntut tindakan dasar yang lebih konkrit dan berani untuk alam sekitar.

Dapatan Nasional: BELIA MALAYSIA BANGKIT

Dapatan program mencerminkan satu gelombang baru dalam landskap kepimpinan belia negara:

- Kesedaran tinggi terhadap isu nasional dan global.
- Tuntutan terhadap dasar yang lebih telus, responsif & berdasarkan data.
- Memperkasa agenda pembangunan belia, khususnya di kawasan yang sering ketinggalan dalam arus pembangunan negara.



Lebih Daripada Program, Ini Adalah PERMULAAN

Kembara JOM 2024 bukan sekadar pengumpulan maklum balas tetapi merupakan pengiktirafan bahawa **belia bukan lagi penonton**, tetapi **pemain utama** dalam naratif pembangunan negara. ■



KEMBARA Senarai Program JOM 2024

17 Februari 2024 Kembara JOM Melaka Melaka Mall, Melaka	25 Februari 2024 Kembara JOM Negeri Sembilan Kompleks Belia dan Sukan, Paroi, Negeri Sembilan	10 Mac 2024 Kembara JOM Selangor Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam, Selangor	27 April 2024 Kembara JOM Johor Dewan Sultan Iskandar, UTM Skudai, Johor	12 Mei 2024 Kembara JOM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur	
3 Ogos 2024 JOM - Kopi Kopi Pantai Pandan Lundu, Kuching, Sarawak	21 Julai 2024 Kembara JOM Perak Kolej Poly-Tech MARA Ipoh, Perak	14 Julai 2024 Kembara JOM Pahang Dewan Dato' Sri Abdul Manan Ismail, Kuantan, Pahang	6 Julai 2024 Kembara JOM Perlis MRSM Arau, Perlis	2 Jun 2024 Kembara JOM Pulau Pinang Pusat Konvensyen SP Arena, Seberang Jaya, Pulau Pinang	1 Jun 2024 Kembara JOM Kedah Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES), Kedah
4 Ogos 2024 Kembara JOM Sarawak Kompleks Belia dan Sukan, Kuching, Sarawak	5 Ogos 2024 JOM - Kopi Kopi RH. Panjang Joseph James, Sarawak	6 Ogos 2024 Kembara JOM Sarawak Universiti Teknologi Sarawak, Sibul, Sarawak	7 Ogos 2024 Sepetang bersama YBTM Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Miri, Sarawak	8 Ogos 2024 Kembara JOM Sarawak University of Curtin, Miri, Sarawak	2 September 2024 Kembara JOM Sabah Harbour Mall Ballroom, Sandakan, Sabah
7 September 2024 Kembara JOM Sabah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Keningau, Sabah	6 September 2024 Kembara JOM Sabah Dewan Datuk Ellron, Kampung Blah Tengah, Keningau, Sabah	5 September 2024 Kembara JOM Sabah Kampung Tagaroh, Kota Marudu, Sabah	4 September 2024 Kembara JOM Sabah Dewan Sri Putatan, Kota Kinabalu, Sabah	3 September 2024 Kembara JOM Sabah PPR Taman Muhibah, Batu 12, Sandakan, Sabah	
8 September 2024 Kembara JOM Wilayah Persekutuan Labuan Kampung Batu Manikar, Labuan	13 September 2024 Kembara JOM Kelantan Yayasan Islam Kelantan, Tunjung, Kota Bharu	14 September 2024 Kembara JOM Terengganu Kompleks Pentadbiran Bandar Wathiqu Billah, Kuala Nerus, Terengganu			

"Masa depan Malaysia sedang dibina hari ini – dan belia adalah arkiteknya."

— YB Adam Adli



SUKMA & PARA SUKMA

Sarawak 2024

Manifestasi Semangat Sukan, Perpaduan & Kelestarian

Sarawak telah melakar sejarah apabila menjadi tuan rumah bagi dua temasya sukan terbesar tanah air tahun ini — **SUKMA XXI dan Sukan Para SUKMA XXI**. Kedua-dua acara bukan sahaja mempamerkan kehebatan atlet tempatan, malah menzahirkan nilai perpaduan, inklusiviti dan kelestarian menerusi pendekatan ESG (*Environmental, Social, Governance*) dalam penganjuran sukan negara.



Temasya **SUKMA XXI Sarawak 2024**

17-24 Ogos 2024 Sarawak

Lebih 12,000 atlet dari seluruh negara bertanding dalam **37 jenis sukan** membabitkan **488 acara**, menjadikan SUKMA 2024 sebagai edisi terbesar dalam sejarah temasya ini. Perasmian telah disempurnakan oleh Premier Sarawak, **YAB Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg**.



Objektif Utama SUKMA 2024

- Mencungkil bakat muda dalam sukan pelbagai disiplin.
- Memupuk perpaduan nasional melalui semangat kesukanan.
- Menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat.
- Menyokong pembangunan akar umbi serta infrastruktur sukan.

Juara Keseluruhan

Sarawak muncul juara keseluruhan buat kali keempat dengan kutipan:

- 76 Emas
- 55 Perak
- 70 Gangsa
- **Jumlah keseluruhan:** 201 pingat

Atlet	Negeri	Acara & Pencapaian
Andrew Goh	Selangor	Renang 100 meter kuak dada lelaki – 1:01.39 saat (Rekod Kebangsaan)
Bryan Leong Xin Ren	Wilayah Persekutuan	50 meter kuak kupu-kupu lelaki – 24.46 saat (Rekod SUKMA)
Umar Osman	Johor	400 meter – 46.78 saat; 800 meter – 1:51.19 saat
Kuartet Johor	Johor	4x400 meter lelaki – 3:12.35 saat
Qistina Qharisya Suffia	Perak	Angkat Berat (45 kg wanita) – 3 rekod kebangsaan
Jonah Chang Rigan	Sarawak	Lontar Peluru – 17.66 meter (Rekod SUKMA)

Sukan PARA SUKMA XXI Sarawak 2024

22–28 September 2024 Kuching, Sarawak

Dengan **10 jenis sukan dan 328 acara**, Para SUKMA 2024 menjadi medan membanggakan bagi atlet **Orang Kurang Upaya (OKU)** untuk mempamerkan kebolehan luar biasa mereka. Majlis perasmian disempurnakan oleh **Yang di-Pertua Negeri Sarawak**, Tun Pehin Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Matlamat Utama

- Menyediakan platform kompetitif bagi atlet OKU.
- Memupuk semangat kesukanan dan integrasi sosial.
- Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap potensi golongan OKU.

Rekod Baharu dan Pencapaian Cemerlang

Sebanyak **22 rekod kebangsaan** dan **71 rekod kejohanan** telah dipecahkan. Antara pencapaian menonjol:

Atlet	Negeri	Acara & Pencapaian
Shahafiq Abdullah	Sabah	Renang – 4 rekod kebangsaan, 6 emas (100 meter gaya bebas, 50 meter kuak kupu-kupu, 100 meter kuak lentang, 50 meter gaya bebas S6)
Elvsius Janting	Sabah	Olahraga – 3 rekod temasya (lempar cakera F57 – 32.18 meter)

SUKMA dan Para SUKMA 2024 bukan sekadar temasya sukan, tetapi satu simbol kebangkitan Malaysia dalam membina masyarakat yang inklusif, berdaya tahan dan berteraskan nilai ESG. Pencapaian luar biasa atlet, komitmen terhadap kelestarian dan semangat perpaduan menjadikan temasya ini sebagai contoh terbaik bahawa sukan adalah ejen perubahan yang berkuasa, baik di podium, mahupun dalam jiwa rakyat. ■



Juara Keseluruhan

Sarawak merangkul kembali gelaran juara keseluruhan dengan:

- 82 Emas
- 53 Perak
- 74 Gangsa
- Jumlah keseluruhan:** 209 pingat



“SUKMA dan Para SUKMA membuktikan bahawa sukan adalah pemangkin pembentukan karakter, perpaduan nasional dan pembinaan masa depan belia Malaysia.”

— YB Hannah Yeoh,
Menteri Belia dan Sukan



“Kejayaan Sarawak menjadi tuan rumah bukan hanya dalam bentuk pingat, tetapi dalam membuktikan keupayaan negeri menganjurkan temasya bertaraf tinggi yang inklusif dan lestari.”

— Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg,
Premier Sarawak



Rakan MUDA

Memperkasa Belia,
Membina Masa Depan

MALAYSIA

*“Rakan Muda telah melalui pelbagai fasa sejak ia dilancarkan pada tahun 1994. Tetapi **sekarang Rakan Muda adalah untuk golongan 15 hingga 30 tahun**, bermaksud Rakan Muda juga mempunyai golongan ibu bapa muda.”*

— YB Hannah Yeoh,
Menteri Belia dan Sukan

Sejak dilancarkan pada tahun 1994, Program Rakan Muda di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terus menjadi pemangkin kepada pembangunan sahsiah, kemahiran dan aspirasi belia Malaysia. Menyedari kepelbagaian cabaran dan potensi golongan muda hari ini, Rakan Muda kini disasarkan kepada belia berumur 15 hingga 30 tahun, termasuk kumpulan ibu bapa muda dengan pendekatan yang lebih inklusif dan holistik.

TEROKA INDUSTRI Getah

BUKA PELUANG, CIPTA KERJAYA

Satu lagi inisiatif berimpak tinggi ialah program “**Rakan Muda Jom Teroka Industri Getah**” di Akademi Hevea, Lembaga Getah Malaysia. Peserta diberi peluang meneroka proses pengeluaran getah, memahami inovasi sektor agrokomoditi dan mengenal pasti laluan kerjaya serta keusahawanan dalam industri penting ini.

Program ini bukan sekadar pendedahan industri, tetapi juga satu usaha untuk menjadikan sektor tradisional lebih relevan dan menarik kepada generasi muda.



Fiesta RAKAN MUDA:

Platform Aspirasi dan Gaya Hidup Belia

Antara acara kemuncak program ini ialah **Fiesta Rakan Muda**, yang berlangsung dari 9 hingga 10 November 2024 di The Curve, Damansara. Menampilkan lebih 50 aktiviti merentas **10 Gaya Hidup Rakan Muda**, fiesta ini menjadi medan belia menonjolkan bakat dan minat dalam pelbagai bidang termasuk seni, sukan, teknologi hinggalah ke keusahawanan.

Antara sorotan aktiviti termasuk pertandingan eSukan popular seperti **EAFC Mobile** dan **eFootball**, yang bukan sahaja menarik minat belia bandar tetapi juga memperlihatkan potensi industri permainan digital dalam kalangan generasi muda Malaysia.



Rakan Muda kini bukan sekadar satu jenama program belia tetapi ia adalah sebuah **gerakan nasional** yang memacu masa depan Malaysia melalui pengisian masa lapang yang berfaedah, pembangunan potensi diri dan pengukuhan nilai bersama. ■

BELIA dan GELOMBANG senyap

Apa Khabar **Kesihatan Mental** Kita?

Opening Remarks and Launch

by:
YB Hannah Yeoh
Minister of Youth and Sports Malaysia



SKOR INDEKS MENGIKUT **ETNIK**

Semakin tinggi skor, semakin rendah belia berisiko mengalami masalah kesihatan mental.

(Nilai Skor 0 - 100; 100 adalah skor tertinggi iaitu memuaskan)



BUMIPUTERA SARAWAK
73.37



CINA
72.91



MELAYU
71.84



BUMIPUTERA SABAH
71.04



LAIN-LAIN
70.99



INDIA
70.05



BUMIPUTERA ORANG ASLI
62.48

SKOR KESELURUHAN
M_yMHI'23:

71.91

Dalam era TikTok, pencapaian CGPA cemerlang dan peluang global yang terbuka luas, ramai menyangka belia Malaysia sedang menikmati zaman emas mereka. Tetapi di sebalik senyuman di Instagram dan semangat di pentas konvo, ada kisah lain yang jarang dibicarakan — **kesihatan mental**.

Menurut **Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023 (MyMHI'23)**, tahap kesihatan mental golongan muda di negara ini berada **pada tahap sederhana**, dengan **skor purata 5.16** daripada 10.

Kajian yang dijalankan oleh **Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)** ini melihat kesihatan mental dari **enam sudut penting**:



Perkara yang paling membimbangkan? **"Pengalaman Hidup"** mencatatkan **skor terendah dengan 4.24**. Ini memberi gambaran bahawa ramai belia berdepan dengan **tekanan hidup, trauma masa lampau dan cabaran sosial** yang tidak jelas kelihatan.

MindX, MindHub & HARAPAN BAHARU

Melihat cabaran yang kian meruncing, **Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** segera melangkah ke hadapan dengan memeterai kerjasama strategik dimeterai bersama **Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Negara (NCEMH)**, juga dikenali sebagai **MindX**. Kolaborasi ini membuka ruang kepada pelbagai inisiatif untuk menyokong belia.



Beliau mahu anak muda **berani mendapatkan bantuan**, tanpa rasa malu atau takut akan stigma.

Kesihatan mental bukan isu kecil. Ia tidak harus disembunyikan di sebalik statistik atau hanya disuarakan apabila tragedi berlaku. **Ini tentang masa depan negara, generasi kini yang sedang menuntut di universiti, membina kerjaya permulaan, atau mencari erti kehidupan mereka.**

Sudah tiba masanya untuk kita **berhenti bertanya**,
“Kenapa dia murung?”,

dan mula bertanya,

“Apa boleh kita buat bersama?” ■

ANTARA USAHA UTAMA YANG TELAH DIMULAKAN

- **Intervensi awal** seperti kaunseling dan bantuan psikologi.
- Penubuhan **Mind Hub**, pusat rujukan kesihatan mental yang ditempatkan di **Youth Empowerment Centres (YEC)** seluruh negara.
- **Program literasi kesihatan mental** di sekolah, IPT dan komuniti dengan pendekatan digital dan mesra belia.

“Kesihatan mental adalah sebahagian daripada kesihatan menyeluruh.”

— YB Hannah Yeoh,
Menteri Belia dan Sukan



E-SUKAN 2024

Dari Sukan Alternatif ke **Arus Perdana Negara**



Tahun 2024 menyaksikan detik paling gemilang dalam sejarah *e-sports* Malaysia. Apa yang dahulunya dianggap sebagai “*main game* depan komputer” kini telah berevolusi menjadi **satu industri sukan digital yang diiktiraf, disokong dan diraikan**, bukan sahaja oleh peminat malah oleh kerajaan dan dunia.

Malaysia DI PENTAS DUNIA

Malaysia mencipta sejarah gemilang tahun ini apabila **dua pasukan negara dinobatkan juara dunia dalam kejohanan *e-sports* berprestij**, sekali gus menobatkan nama negara sebagai kuasa utama dalam arena global.

PASUKAN MOBILE LEGENDS: BANG BANG (MLBB)

Diwakili oleh *Selangor Red Giants* (SRG), pasukan ini muncul juara **IESF World Championship 2024** di Riyadh, menewaskan Filipina 2-0 dalam perlawanan akhir.

PASUKAN FAM eRIMAU

Kejayaan besar turut dicapai oleh skuad FIFA mudah alih negara apabila mereka menjuarai **FIFAe World Cup 2024**, sekali gus menjadi **negara ASEAN pertama** yang menggapai pencapaian ini.

“Ini bukti bahawa *e-sports* bukan sekadar hobi. Ia adalah kerjaya sebenar, satu peluang masa depan yang perlu diiktiraf.”

— YB Hannah Yeoh,
Menteri Belia dan Sukan



PELABURAN BESAR UNTUK Masa Depan Digital

Melalui **Belanjawan 2025**, kerajaan memperuntukkan **RM20 juta** khas untuk memperkukuh ekosistem *e-sports*. Apa yang menarik?

- **RM10 juta** diperuntukkan bagi **pembinaan stadium *e-sports* baharu**, lengkap dengan fasiliti pertandingan dan latihan.
- Selebihnya, disalurkan untuk latihan bakat dan TVET *e-sports* termasuk kerjaya seperti **caster, jurulatih, marsyal pertandingan dan produksi kandungan digital**.

Menurut Timbalan CEO Impact Integrated, **Nurul Azwa Mohd Rodzi**, kemudahan ini akan merangkumi bilik produksi, pusat latihan dan penginapan khas yang akan menjadi **sebuah akademi *e-sports* penuh** yang profesional dan berdaya saing.



MENUJU PINGAT & PENGANJURAN Antarabangsa

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, **YB Adam Adli**, menjangkakan *e-sports* mampu **menyumbang pingat** kepada kontinjen negara di Sukan Asia Aichi-Nagoya 2026.

Malaysia juga bercita-cita menjadi tuan rumah kepada kejohanan antarabangsa seperti **ESL One** dan **FIFAe World Cup** — satu langkah besar ke arah menjadikan Malaysia **hab *e-sports* Asia Tenggara** menjelang 2030.

E-SUKAN ADALAH MASA DEPAN

Dari sebuah aktiviti alternatif ke sebuah gerakan digital nasional, *e-sports* telah mengorak langkah jauh ke hadapan. Kini ia berdiri sebagai:

- Industri ekonomi kreatif
- Platform pembangunan bakat belia
- Wadah penyatuan komuniti moden

Dengan dasar kerajaan yang progresif, pelaburan strategik dan semangat kental atlet digital, **Malaysia sedang mencipta legenda *e-sports* dan masa depan gemilang industri ini kini berada di tangan generasi muda kita!** ■

Projek REBEN KUNING

Peluang Kedua di Padang Golf



D i sebalik dinding penjara dan pagar Sekolah Henry Gurney, tersimpan potensi yang masih menyala. Menerusi **Projek Reben Kuning**, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) membuktikan bahawa setiap belia berhak diberi peluang kedua untuk bangkit dan berjaya.

Dari
PENJARA ke
PADANG GOLF 

Mengubah nasib: Dari sel penjara ke padang golf. Seorang belia wanita di Penjara Kajang yang pernah melalui liku-liku hidup gelap, kini membina masa depan cerah sebagai **kedi profesional**. Setiap ayunan yang disaksikannya adalah langkah baru menuju kehidupan yang lebih baik.

Inilah hasil **Kursus Asas Kedi Golf** anjuran KBS pada 7-10 Julai 2024: Seramai **20 wanita muda** menjadi perintis program latihan eksklusif ini.

Ini adalah titik permulaan! Sehingga kini, lebih **300 peserta** seluruh negara telah menamatkan **22 siri kursus kemahiran Reben Kuning** yang merangkumi modul seperti urutan sukan, penjagaan fasiliti, dan pelbagai program TVET lain.

**Ini bukan sekadar latihan.
Ini adalah pemulihan maruah.**

YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan, menyuarakan hasrat besar di sebalik inisiatif ini:

“KBS terus memperkasakan Projek Reben Kuning untuk penghuni belia di penjara dan Sekolah Henry Gurney sebagai program ‘peluang kedua’.”

Dalam erti kata lain, Reben Kuning bukan sekadar program latihan, tetapi merupakan **manifesto harapan**. Program ini membawa mesej kepada masyarakat bahawa mereka yang pernah tersilap masih mampu menyumbang, jika diberi sokongan dan kepercayaan.

BUKTI NYATA

Reben Kuning BERI IMPAK

Kajian menunjukkan bahawa program pemulihan berstruktur seperti Reben Kuning dapat:

- Mengurangkan kadar **residivisme** (pengulangan kesalahan).
- Meningkatkan **kebolehpasaran** bekas penghuni penjara.
- Menguatkan **sistem sokongan komuniti** melalui pemeraksanaan modal insan.

Melalui pendekatan latihan berdasarkan industri, para peserta bukan sahaja memperoleh kemahiran tetapi mereka juga mempelajari nilai tanggungjawab, disiplin dan semangat kerja berpasukan.



Simbol
Harapan
MANIFESTO
MASA DEPAN

Projek Reben Kuning bukan sekadar tentang memberi peluang, tetapi **membuka jalan baharu bagi belia mencipta semula identiti mereka**, dengan sokongan kerajaan, komuniti dan industri.

Dari padang golf ke pelbagai bidang kemahiran lain, inisiatif ini membuktikan satu perkara penting:

Kita tidak boleh mengubah masa lalu, tetapi kita boleh membina masa depan yang lebih baik. ■



Sukan

MASTERS 2024

Apabila Sukan, Kesihatan & Kelestarian Bertemu!



“Suasana penuh semangat dan keseronokan di Sukan Masters 2024 membuktikan bahawa umur bukan halangan untuk kekal aktif dan bersukan bersama-sama.”

Sukan Masters 2024 (21-24 November) bukan sekadar pertandingan, tetapi satu platform semangat kesukanan, gaya hidup sihat dan perpaduan masyarakat. Dengan penyertaan lebih 1,000 peserta pelbagai peringkat umur dan latar belakang yang memenuhi setiap gelanggang, acara ini membuktikan satu kebenaran mutlak: **Sukan milik semua.**

DARIPADA BADMINTON KE E-SPORTS SEMUA ADA!

Dengan **12 jenis sukan** termasuk badminton, renang, berbasikal, bola jaring dan *e-sports*, acara ini benar-benar inklusif!

Sebanyak **998 pingat** direbut dalam **36 kategori umur**, menjadikan kejohanan ini antara yang paling mesra komuniti di Malaysia.

Kita melihat **warga emas bersaing penuh semangat**, bekas atlet negara kembali beraksi dan pasukan komuniti berganding bahu atas nama kesihatan dan persahabatan.

“Kami harap temasya ini dapat membuka lebih banyak peluang kepada rakyat Malaysia untuk terus bersukan, tanpa mengira usia.” — YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan.

Lebih Daripada Sukan Ini Gaya Hidup!

Sukan Masters 2024 bukan sahaja tentang pingat, tetapi tentang **gaya hidup aktif, kesejahteraan mental dan sosial**, serta memperkasakan komuniti. Dalam era yang menitikberatkan kesihatan sebagai agenda nasional, acara seperti ini menyediakan ruang untuk semua individu tanpa mengira usia agar dapat **kembali aktif dan bersosial**.

Di gelanggang, kita tidak hanya menyaksikan atlet, tetapi juga individu daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk sahabat, jiran dan keluarga yang bersatu dengan satu semangat iaitu untuk **kekal sihat, aktif dan menjaga hubungan kemasyarakatan**.

STANDARD PROFESIONAL UNTUK Atlet Veteran

Sukan *Masters* 2024 dianjurkan khas untuk mereka yang berumur **40 tahun ke atas** dengan sistem penganjuran yang **telus dan profesional**. Kejohanan ini setaraf dengan temasya elit, tetapi lebih mengutamakan nilai **pengalaman dan daya tahan** berbanding rekod kelajuan atau kehebatan fizikal.



SUKAN ADALAH UNTUK SEMUA, **Selamanya**

Kejayaan Sukan *Masters* 2024 membuktikan bahawa **sukan bukan milik golongan muda semata-mata**. Sukan milik semua yang memahami bahawa menjaga diri bukan sekadar fizikal, tetapi juga tentang gerak aktif, jalinan komuniti dan matlamat yang dikongsi bersama.

KBS komited untuk menjadikan temasya ini sebagai **acara tahunan yang lebih besar, inklusif dan lestari**.

Malaysia kini bukan hanya bersedia untuk menang dalam sukan tetapi untuk **membina masyarakat yang sihat dan bersatu melalui sukan.** ■

MADANI di AKAR UMBI

Cerita dari **Long Latei**
dan **Long Suling**,
Buluh Telor, **Penaga**
& **Spang Loi**

Projek Kampung Angkat **MADANI KBS**



Kg. Long Latei
Kg. Long Suling

Program Santuni **MADANI KBS**



Kg. Orang Asli Buloh Telor



Kg. Baru Penaga



Kg. Spang Loi

*“Projek Kampung Angkat
MADANI adalah **manifestasi**
komitmen KBS untuk
memastikan tiada komuniti
yang ketinggalan dalam arus
pembangunan negara.”*

— YB Hannah Yeoh,
Menteri Belia dan Sukan

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kini menerajui usaha memperkasa komuniti desa dan pedalaman melalui **Projek Kampung Angkat MADANI KBS** dan **Program Santuni MADANI KBS** — satu inisiatif berimpak tinggi yang menyatukan prinsip pembangunan lestari, semangat kemasyarakatan dan penglibatan belia.

Untuk projek perintis ini, empat lokasi dipilih mewakili latar sosioekonomi dan budaya yang berbeza:

- **Kampung Long Latei & Long Suling**, Ulu Baram, Sarawak.
- **Kampung Orang Asli Buloh Telor**, Perak.
- **Kampung Baru Penaga**, Pulau Pinang.
- **Kampung Spang Loi**, Segamat, Johor.

Cerita dari **Long Latei & Long Suling** (Sarawak)

Tersembunyi jauh di pedalaman **Telang Usan**, dua kampung komuniti **Orang Ulu** ini menampilkan budaya tradisional yang kaya, namun menghadapi cabaran infrastruktur dan akses.

Apa yang dilakukan KBS?

- Pemasangan **60 unit lampu jalan solar** untuk keselamatan malam.
- Peningkatan akses **air bersih dan elektrik**.
- Program **latihan dan kesukarelawanan** untuk belia tempatan.
- Pemuliharaan **warisan budaya** melalui aktiviti komuniti.

“Dengan pendekatan holistik, kami mahu setiap aspek kehidupan komuniti diberi perhatian.”

— **Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu**, KSU KBS



TRANSFORMASI DI PENAGA (PULAU PINANG)

Di tengah kawasan semi-urban **Kampung Baru Penaga**, semangat keusahawanan belia mula menyala. Dipilih oleh YB Adam Adli, kampung ini dijadikan medan rintis bagi pembangunan usahawan sosial dan infrastruktur sukan.

Apa yang dibangunkan:

- Program latihan keusahawanan belia, kerjasama dengan universiti & NGO.
- Peningkatan fasiliti sukan dan rekreasi.
- Penggalakan kesukarelawanan komuniti.

"Dengan menyediakan platform dan sokongan yang tepat, kita dapat membentuk generasi yang proaktif dan berdikari."

— YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan

ADA APA DI Spang Loi (Johor)

Kampung Spang Loi bukan sekadar sebuah lokasi, tetapi merupakan kisah tentang komuniti yang bersatu padu. Kini, KBS menghidupkan transformasi melalui pendekatan inklusif yang melibatkan semua pihak, dari penduduk kampung hingga pemegang taruh bagi mewujudkan perubahan yang berakar umbi dan berkesan.

Aktiviti yang dijalankan:

- Program pembangunan sukan
- Peluang pendidikan TVET ILKBS
- Gotong-royong
- Kursus jangka pendek
- Projek kolam ikan air tawar
- Kursus kaedah ternakan ikan dalam sangkar



SEMANGAT di BULOH TELOR (Selangor)

Di **Kampung Orang Asli Buloh Telor**, warisan dan identiti budaya terus terpelihara, namun masih memerlukan ruang untuk berkembang maju. KBS dengan penuh komitmen mengambil inisiatif memperkasakan komuniti ini melalui tiga teras utama: pendidikan, latihan kemahiran berdaya saing serta pemeliharaan budaya.

Fokus utama:

- Latihan kemahiran & peluang sosioekonomi untuk belia.
- Pendidikan alternatif yang lebih inklusif.
- Pemeliharaan adat dan budaya Orang Asli melalui dokumentasi dan pameran.



MADANI BUKAN SEKADAR KONSEP, TAPI GERAKAN



Projek Kampung Angkat MADANI adalah langkah nyata ke arah pembangunan seimbang dan inklusif. Program ini menyentuh pelbagai aspek kehidupan, daripada pembekalan tenaga solar untuk jalan kampung sehingga membakar semangat generasi muda untuk membentuk masa depan mereka.

MADANI hidup dan bernafas di akar umbi melalui tangan belia, suara komuniti dan harapan yang menyala dalam setiap kampung. ■



LSK2024

Menyatukan Komuniti Untuk Masa Depan Sukan Negara



Liga Sukan Komuniti (LSK) 2024 kembali dengan impak yang lebih besar! Bertempat di **Sports Arena @ UNITEN**, Kajang, majlis perasmian peringkat kebangsaan telah disempurnakan oleh **YB Adam Adli**, menandakan kemuncak kepada satu perjalanan sukan akar umbi yang menyatukan seluruh Malaysia.

“Liga ini merupakan satu program penting bagi pembangunan akar umbi.”

— YB Adam Adli,
Timbalan Menteri Belia dan Sukan

60,000+ Peserta 1 Malaysia

Sejak Mei 2024, LSK telah mencatat **60,512 penyertaan** dari pelbagai negeri dan daerah. Ini membuktikan sambutan luar biasa rakyat Malaysia terhadap **sukan komuniti**.

Dengan empat acara utama yang cukup digemari rakyat:



Pingpong



Bola Tampar



Sepak Takraw



Bola Baling

LSK bukan sekadar kejohanan tetapi ia adalah **gerakan sukan rakyat** berasaskan gaya hidup **Rakan Muda**, khususnya dalam elemen **Rakan Aktif**.

MISI LSK**Bukan Sekadar Menang**

LSK 2024 dibina atas misi yang lebih besar:

- **Cungkil Bakat Baharu** – Platform pencarian atlet pelapis dari akar umbi ke pentas negara.
- **Malaysia Negara Bersukan** – Menyemai budaya aktif dan sihat dalam kalangan rakyat.
- **Intervensi Sosial Positif** – Alternatif kepada gejala sosial melalui aktiviti bermanfaat.
- **Pupuk Perpaduan** – Mengikat komuniti melalui sukan tanpa mengira latar belakang.

“Sukan adalah jambatan yang menyatukan kita, di sinilah bermulanya impian dan perubahan.”



LSK ADALAH MILIK Kita Semua

Liga Sukan Komuniti 2024 membuktikan bahawa sukan bukan eksklusif kepada atlet profesional semata-mata, tetapi merangkumi penyertaan inklusif seluruh rakyat Malaysia. Program ini menjangkau semua peringkat usia, daripada kanak-kanak hingga warga emas meliputi komuniti dari pekan kecil sehingga bandar raya.

Ini adalah tentang **semangat, perpaduan dan peluang**.

Dengan LSK, **sukan bukan hanya sekadar permainan, ia adalah penyatuan jiwa komuniti.** ■



BELIA Sukarelawan, JIWA Perubahan

Menanam Bakti,
Menyemai Nilai Kemanusiaan



“Kita lihat penyertaan sangat menggalakkan. Ini bukan sekadar aktiviti sukarelawan, tapi pengalaman membina jiwa.”

— YB Adam Adli,
Timbalan Menteri Belia dan Sukan

Dengan penuh semangat, **Hari Kesukarelawan Belia Malaysia (HKBM) 2024** peringkat kebangsaan telah berlangsung dengan penuh warna di **Paya Indah Wetlands**, Dengkil, Selangor. Lokasi yang tenang dan penuh simbolik itu menjadi saksi kepada keazaman generasi muda Malaysia untuk terus menyumbang demi masyarakat dan alam sekitar.



DARI HATI BELIA UNTUK DUNIA

HKBM 2024 disambut bersempena Hari Sukarelawan Antarabangsa anjuran **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)** setiap 5 Disember. Sambutan kali ini memfokuskan kepada generasi muda berumur **13 hingga 30 tahun**, dengan objektif utama yang bermakna:

- Meningkatkan kesedaran & melahirkan lebih ramai sukarelawan muda.
- Mengiktiraf semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang.
- Mengumpul data untuk penambahbaikan misi kemanusiaan negara.
- Menghargai jasa belia yang telah berbakti kepada komuniti & negara.

SEMANGAT NADI Belia, Negara

Melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang hari, aktiviti yang dilaksanakan membuktikan satu hakikat: **semangat berbakti dalam kalangan belia Malaysia tidak pernah pudar.**

HKBM 2024 telah membuktikan bahawa kesukarelawan bukan lagi suatu aktiviti sampingan, sebaliknya telah beralih menjadi **arus perdana** dalam membentuk negara **penyayang, inklusif dan lestari.** ■

Misi Bantuan Banjir SKUAD IHSAN MADANI

Belia Turun Padang,
Bawa Harapan ke
Terengganu



Bencana datang tanpa amaran, meninggalkan trauma dan kerugian. Namun, dengan kehadiran **Skuad Ihsan MADANI** muncul dengan misi mulia. Tidak hanya membantu membersihkan lumpur, tetapi juga membawa **semangat, harapan dan solidariti**.



Dari Bekalan ke Empati

Digerakkan oleh **semangat "Satria Rakan Muda"**, misi ini menyaksikan sukarelawan dari seluruh negara menyingsing lengan membantu mangsa banjir di Terengganu, merangkumi kawasan seperti **Hulu Terengganu, Kuala Nerus** dan sekitarnya.

Bekalan makanan, kit kebersihan dan keperluan asas, semuanya dihantar dengan pantas dan tersusun hasil koordinasi erat antara:

- Kementerian Bella dan Sukan (KBS).
- Majlis Belia Malaysia (MBM).
- Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN).

"Sempena Hari Kesukarelawanan Belia yang akan datang, kami juga sedang merekrut sukarelawan bersama JBSN untuk membantu penduduk yang terjejas banjir."

— YB Hannah Yeoh,
Menteri Belia dan Sukan

Apabila Belia Bangkit, Harapan Kembali Bersinar

Misi ini membuktikan satu perkara penting. **Belia Malaysia bukan sahaja prihatin, tetapi bersedia menjadi barisan hadapan dalam misi kemanusiaan.**

Dari **banjir ke bantuan**, dari **bencana ke bina semula**, belia negara tampil sebagai **ejen perubahan**, menjadikan semangat kesukarelawanan satu kekuatan sebenar dalam mendepani cabaran masa kini. ■

Kejohanan

SUKAN TEMPUR


Arena Pertempuran Bakal Juara, Manifestasi Malaysia MADANI

2024



Dewan Bankuet UPM, Serdang bergema dengan sorakan semangat apabila **Kejohanan Sukan Tempur Peringkat Kebangsaan 2024** secara rasmi membuka tirainya pada 29 Jun 2024. Ini bukan sekadar pertandingan, ia adalah **medan pertempuran bakat, semangat dan masa depan** sukan tempur negara.

Dari 27 hingga 30 Jun, **enam disiplin utama** dipertandingkan:



Silat
Olahraga



Tinju



Taekwondo



Silambam



Wushu



Muay Thai

Setiap gelanggang tidak sekadar menjadi pentas aksi fizikal seperti pukulan atau sepakan, tetapi lebih penting lagi, ia merupakan medan pertaruhan impian, disiplin dan **pembentukan jati diri**.



“Kejohanan ini bukan sahaja medan persaingan, tetapi juga platform untuk perpaduan dan pembangunan bakat muda yang berpotensi mengharumkan nama Malaysia di peringkat dunia.”

— YB Hannah Yeoh,
Menteri Belia dan Sukan

MENCUNGKIL JAGUH Masa Depan

Kejohanan ini menjadi pemangkin kepada Visi Sukan Negara 2030 dan Malaysia MADANI. Atlet muda dari seluruh pelosok tanah air hadir bukan hanya untuk bersaing, tetapi untuk **membina identiti, memupuk disiplin dan menyatu padukan komuniti** melalui sukan.

Dengan sokongan padu daripada **Kementerian Belia dan Sukan (KBS)**, kejohanan ini juga menjadi bukti komitmen kerajaan dalam **membangunkan ekosistem sukan tempur yang progresif dan mampan**.



Bukan Sekadar Menang — ini tentang membina negara

Selain daripada pingat dan podium, **Kejohanan Sukan Tempur 2024** adalah tentang membina **watak, semangat kesukanan dan jiwa patriotik**. Pentas ini merupakan platform penting untuk melahirkan wira-wira sukan masa depan yang akan mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa, didorong oleh semangat MADANI dan ketabahan yang tidak pernah pudar. ■



RM55 JUTA

Suntikan
Semangat
BAHARU

Untuk Sukan Komuniti dan
Pembangunan Belia 2025

“KBS tidak mengenakan caj, komisen atau bayaran untuk permohonan dana ini. Saya mahu semua pemohon berurusan terus dengan KBS tanpa perantara.”

— YB Hannah Yeoh,
Menteri Belia dan Sukan

Tahun 2025 menyaksikan satu lagi langkah progresif oleh **Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** dalam memperkasakan sektor sukan akar umbi dan pembangunan belia. Dengan peruntukan

RM55 JUTA,

dua inisiatif penting dilancarkan:

RM30 JUTA

Geran
Padanan
Sukan
(GPS)

RM25 JUTA

Dana
Sukan
Komuniti
(DSK)





APA YANG MEMBEZAKAN GPS dan DSK?

Aspek	Geran Padanan Sukan (GPS)	Dana Sukan Komuniti (DSK)
Jumlah Peruntukan 2025	RM30 juta	RM25 juta (peningkatan RM5 juta dari 2024)
Tujuan	Menyokong program sukan berskala besar dan sederhana	Menyokong program pembangunan sukan komuniti
Pemohon Layak	PJS, ROY, NGO berdaftar	PJS, ROY
Pemohon Tidak Layak	Syarikat penganjur acara	—
Kaedah Penyaluran	Tuntutan bayaran balik selepas program	One-off (\leq RM10K) atau berperingkat ($>$ RM10K)
Jumlah Maksimum Permohonan	Sehingga 50% kos program, maks RM1 juta	Bergantung pada skop dan impak
Jenis Program	Profesional, separa profesional, berskala besar	Pembangunan komuniti, inklusif dan akar umbi
Ciri Khas	Kolaborasi awam-swasta (<i>matching grant</i>)	Penglibatan masyarakat tempatan dan belia

Dana, Impak & Harapan

Inisiatif ini merupakan **pelaburan sosial strategik** yang dapat memperkukuh hubungan antara kerajaan, rakyat dan komuniti setempat. Melalui GPS dan DSK:

- Lebih banyak **kelab belia dan NGO tempatan** dapat bergerak aktif.
- Program sukan dapat **mencapai kawasan pedalaman dan berimpak sosial tinggi**.
- Belia berpeluang **memimpin, menganjur dan menyumbang kembali kepada komuniti**. ■

HSN 2024

Semangat Sukan, Rekod Baharu & Komitmen Kepimpinan



Dengan kehadiran lebih 4.5 juta peserta, Hari Sukan Negara 2024 mengukir rekod baharu sebagai kemuncak sukan komuniti Malaysia. Penyertaan pelbagai kaum dan negeri ini membuktikan sukan mampu menyatupadukan rakyat dalam semangat kesihatan dan keharmonian.

SOROTAN Istimewa

**"SEMBUR,
POUND
&
SLAY!"**

— SATU REKOD BAHARU

- **1,270 wanita** berhimpun di Dataran Putrajaya untuk aktiviti 'pound fitness' anjuran Safi Shayla.
- Diiktiraf oleh *Malaysia Book of Records* – penyertaan wanita berhijab terbanyak dalam sesi kecergasan seumpamanya.
- **Objektif:** memperkasakan wanita untuk kekal aktif, sihat dan yakin dengan diri sendiri.



KOMITMEN Nyata

YB Adam Adli di Kelantan

- Hadir ke acara HSN di Kelantan sebagai tanda sokongan.
- Berinteraksi dengan peserta akar umbi dan belia tempatan.
- Menegaskan komitmen kerajaan dalam memupuk perpaduan melalui sukan dan meluaskan akses kepada aktiviti sihat untuk semua.



GAYA HSN 2024

- Larian komuniti dan maraton
- Pertandingan sukan tradisional
- Sesi zumba dan *pound fitness*
- Cabaran sukan interaktif
- Pameran kesihatan dan gaya hidup



Malaysia Bergerak AKTIF, SIHAT & BERSATU

HSN 2024 membuktikan bahawa **sukan bukan sekadar aktiviti fizikal**, tetapi instrumen perpaduan, inklusiviti dan kemajuan sosial. Dengan komitmen pelbagai pihak daripada kementerian hingga syarikat korporat, Malaysia sedang membina ekosistem sukan yang sihat, mampan dan bersatu hati. ■



Hari BELIA NEGARA 2024

“Yakin Boleh” — Menyemarakkan
Potensi Belia Malaysia



“Anak muda itu dikenali bukan kerana suaranya tetapi cita-cita murni dan idealisme benci kepada perkara negatif seperti rasuah dan sebagainya.”

— YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim,
Perdana Menteri

Sambutan **Hari Belia Negara (HBN) 2024** berlangsung meriah di **Dataran Pahlawan, Melaka** dari 24 hingga 26 Mei, menampilkan lebih **15,000 pengunjung** dalam pelbagai acara yang mempamerkan bakat, semangat dan sumbangan generasi muda kepada pembangunan negara.

Bertemakan “**Yakin Boleh**”, sambutan tahun ini mengangkat keyakinan diri dan kebolehan anak muda sebagai teras Malaysia Maju. Melalui pendekatan kreatif dan inklusif, HBN 2024 memperkukuh peranan belia sebagai pemacu ekonomi, sosial dan budaya negara.

Sorotan Utama HBN 2024

RIUH X HARI BELIA NEGARA

Platform seni dan budaya yang mengangkat penggiat kreatif muda dalam muzik, seni visual, filem dan pertunjukan jalanan.

“Kita mahu belia berani berkarya dan memimpin perubahan dalam ruang mereka sendiri.”

— YB Hannah Yeoh

LARIAN YAKIN BOLEH BELIA MALAYSIA 2024

Larian inklusif dengan konsep hijau – menyeru rakyat Malaysia agar bergerak aktif dan mesra alam.

PERTANDINGAN E-SPORTS & KONSERT BELIA

Menampilkan gabungan hiburan dan teknologi sebagai medium ekspresi dan interaksi sosial belia masa kini.

KARNIVAL KERJAYA & PAMERAN INDUSTRI

Peluang pekerjaan dan bimbingan kerjaya dengan penyertaan pelbagai agensi dan syarikat industri hijau serta digital.

ANUGERAH PERDANA BELIA NEGARA (APBN)

Pengiktirafan tertinggi kepada individu dan pertubuhan belia cemerlang dalam pelbagai bidang.



MEMBINA BELIA Yakin, Berdaya Saing dan Berwawasan

Dengan kejayaan **HBN 2024**, kerajaan memperkukuh ekosistem pembangunan belia yang lebih **inklusif, lestari dan berimpak tinggi**. Ini bukan sekadar sambutan tahunan, tetapi satu pelaburan dalam masa depan negara. ■



MPBN 2024

Menyantuni Suara Belia,
Menjana Masa Depan
Negara MADANI



Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) terus berperanan sebagai platform libat urus tertinggi antara kerajaan dan golongan muda, dengan penganjuran dua sidang penting sepanjang tahun 2024.

SIDANG II MPBN

📅 12 September 2024

📍 Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Kuala Lumpur

👤 142 perwakilan belia dari seluruh negara

Topik perbincangan utama:

- Isu kesihatan mental dan kesejahteraan emosi.
- Ekonomi gig dan cabaran kebolehpasaran kerja.
- Akses kepada pemilikan rumah mampu milik.
- Kebajikan belia luar bandar dan komuniti terpinggir.

Pegawai kementerian serta agensi teknikal hadir memberikan maklum balas terus terhadap cadangan belia.

📅 11 Disember 2024

📍 Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Kuala Lumpur

📄 Sidang penutup sesi 2023-2024

SIDANG III MPBN

Tumpuan utama:

- Pelaksanaan Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MBPM 2030).
- Cadangan geran dan bantuan kewangan untuk pertubuhan belia.
- Pengukuhan dasar libat urus belia rentas kementerian.
- Pengumuman hala tuju MPBN sesi penggal baharu.

“MPBN bukan hanya ruang membentangkan dasar, tetapi tempat mendengar denyut nadi anak muda. Jika kita mahu dasar yang hidup dan relevan, maka belia mesti bersama di meja rundingan.”

— YB Hannah Yeoh,
Menteri Belia dan Sukan



Objektif Strategik MPBN

- Menjadi saluran rasmi suara dan cadangan belia kepada kerajaan.
- Merapatkan hubungan strategik antara pertubuhan belia dan agensi kerajaan.
- Memupuk budaya dialog, akauntabiliti sosial dan penglibatan demokratik belia.

MPBN 2024 memperlihatkan kematangan belia Malaysia dalam menyuarakan pandangan secara konstruktif dan berfakta. Dengan sokongan KBS dan prinsip ESG sebagai asas, MPBN kini bukan sekadar forum, tetapi ruang sebenar untuk belia membentuk masa depan negara MADANI secara bersama. ■



KBS & 2 Tahun MADANI

Menyemarak Aspirasi
Belia Malaysia



Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) menjadi saksi kepada sambutan penuh warna sempena **2 Tahun MADANI (2TM)**, sebuah acara berskala nasional yang tidak hanya menampilkan pencapaian dasar kerajaan, tetapi juga memberi ruang kepada suara anak muda untuk bergema.

Dalam landskap pembangunan negara yang semakin kompleks, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berperanan sebagai penghubung efektif antara belia dan dasar kerajaan, sekali gus membuktikan bahawa masa depan negara harus dibangunkan secara kolaboratif bersama generasi muda, bukan sekadar untuk mereka.

Merakytakan **MADANI:** **APABILA BELIA JADI FOKUS**

Program ini bukan sekadar pameran tetapi adalah medan inspirasi dan libat urus. Tujuannya jelas:

- Mengangkat pencapaian dasar **Malaysia MADANI**.
- Menghubungkan rakyat, khususnya **belia**, dengan agensi kerajaan.
- Menyemai semangat patriotisme dan penglibatan aktif dalam pembangunan negara.





KBS MADANI: Pameran, Inspirasi dan Aksi

Dengan tema “**Belia Teras Negara**”, ruang pameran KBS mencuri tumpuan. Lebih daripada sekadar poster dan risalah, pengunjung disambut dengan:

- Info dan aktiviti berkaitan **Rakan Muda, FitMalaysia, e-sports**, serta inisiatif keusahawanan belia.
- Ruang realiti maya yang imersif ini berfungsi sebagai platform eksplorasi digital untuk belia memahami dan mempersiapkan diri menghadapi masa depan.

INSPIRASI BERBASIKAL: Azizulhasni Kongsi Resipi Kejayaan

Antara momen paling bermakna dalam *townhall* kali ini ialah perkongsian ikon sukan negara, **Datuk Azizulhasni Awang**. Dengan gaya bersahaja namun penuh makna, beliau membawa penonton meneroka perjalanan luar biasa dari kampung halaman di Dungun sehingga ke persada antarabangsa.

“Kejayaan sebenar memerlukan lebih daripada sekadar bakat,” ujarnya dengan penuh hikmah, “Ia tentang konsistensi dalam latihan, ketabahan mental dan sokongan padu pasukan di belakang kita.” Perkongsian jujur beliau berjaya menyentuh hati hadirin sekali gus memberi suntikan semangat kepada generasi muda untuk terus berani bermimpi besar.



BELIA BERFIKIR: SESI TOWNHALL DAN LIBAT URUS BELIA

Sesi *townhall* dan libat urus menyaksikan perbincangan terbuka dan hangat, dengan topik yang dibincangkan menggambarkan kematangan serta dimensi pemikiran generasi muda yang luas dan mendalam:

- Peluang pekerjaan dan masa depan ekonomi gig.
- Keperluan memperkukuh **sukan akar umbi**.
- Tanggungjawab belia dalam menangani **perubahan iklim** dan membina komuniti lestari.

BELIA BERKARYA: PENTAS GAYA HIDUP SIHAT & KREATIF

Acara diteruskan dengan pelbagai aktiviti yang menggabungkan gaya hidup aktif dan ekspresi seni:

- Demonstrasi **sukan komuniti & pertandingan e-sports**.
- Persembahan oleh kumpulan **belia kreatif**.
- Aktiviti santai yang mencerminkan gaya hidup seimbang fizikal dan mental.



LAPORAN TAHUNAN

2024



LAPORAN KBS

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) mempunyai seramai 50 orang pegawai dan kakitangan yang diterajui oleh Setiausaha Bahagian, Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Objektif/ Fungsi BPSM adalah memberikan perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan melalui pembentukan struktur perjawatan Kementerian yang optimum, pelaksanaan pengurusan personal yang cekap dan teratur, pengurusan prestasi yang efisien dan menyediakan peluang kepada pegawai dan kakitangan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kemajuan kerjaya melalui latihan komprehensif. Cawangan yang menjalankan fungsi-fungsi Bahagian adalah seperti berikut:

CAWANGAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

- Waran Perjawatan, Laporan Perjawatan, Deskripsi Tugas, Kajian Penstrukturan Semula dan Pengukuhan Perjawatan;
- HRMIS
- Pengurusan Psikologi – Perkhidmatan Kaunseling, dan Intervensi; dan
- Majlis Bersama Jabatan

CAWANGAN PERKHIDMATAN DAN PRESTASI

- Urusan Perkhidmatan – *Search Committee*, Pelantikan, Penempatan, Pertukaran, Pusingan Kerja, Persaraan, Urusan Gaji, Elaun, Kemudahan dan sebagainya;
- Pengambilan dan Pengisian Jawatan Kosong; dan
- Kenaikan Pangkat - Penilaian Prestasi

CAWANGAN PEMBANGUNAN KERJAYA

- Pembangunan Kompetensi dan Pengurusan Kerjaya - Keperluan Latihan Dalam Perkhidmatan, Kursus dan Pelan Operasi Latihan (POL); dan
- Penyelarasan Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dan Pengurusan Tabung Kumpulan Wang Amanah Skim Biasiswa Sukan Persekutuan.

PROGRAM DAN AKTIVITI

SESI LIBAT URUS PEKELILING PERKHIDMATAN SISTEM SARAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) BERSAMA KETUA JABATAN DAN PENGURUS SUMBER MANUSIA DI JABATAN/ BAHAGIAN/ AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)

Pada 1 Oktober 2024, bertempat di Dewan Podium, KBS, telah berlangsung Sesi Libat Urus Pekeliling Perkhidmatan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) bersama Ketua Jabatan dan Pengurus Sumber Manusia di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Taklimat yang diberikan oleh wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ini telah dihadiri oleh seramai 200 orang secara fizikal yang diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) dan melibatkan Ketua-ketua Jabatan, Agensi dan wakil-wakil dari Bahagian, Jabatan, Agensi sehingga ke peringkat negeri di KBS.





Sesi bergambar penerima APC Tahun 2023 dan Pesara 2024 bersama YB Menteri dan Pengurusan Tertinggi

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2023 DAN APRESIASI 2024 KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)

Majlis ini merupakan acara yang diadakan setiap tahun bagi mengiktiraf dan menghargai pencapaian cemerlang yang diusahakan oleh warga KBS sepanjang tahun 2023 dan juga meraikan warga KBS yang telah bersara dan bakal bersara di atas segala sumbang bakti yang tidak ternilai sepanjang karier mereka dalam perkhidmatan awam.

Majlis ini telah diadakan pada 12 Julai 2024 di **Bangi Avenue Convention Centre (BACC)**. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan sebagai wadah untuk meraikan penerima APC dan warga KBS yang bersara. Jumlah penerima APC tahun 2023 di Kementerian ini termasuk Agensi Badan Berkanun adalah seramai **346 orang**. Pesara di KBS termasuk di Agensi Badan Berkanun yang turut diraikan adalah berjumlah **40 orang**. Turut hadir pada majlis tersebut, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha dan Pengurusan Tertinggi KBS.



SESI TAKLIMAT DAN PENYERAHAN BORANG OPSYEN SISTEM SARAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) 2024 BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)

Pada 23 Oktober 2024 dan 28 hingga 30 Oktober 2024, bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 5, Menara KBS, telah berlangsung Sesi Taklimat dan Penyerahan Borang Opsyen Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) kepada Pegawai Fokal Bahagian di Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Sesi Taklimat diketuai oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) KBS, YBr. Puan Rai'dah binti Mohd Yaman.

Tawaran pemilihan opsyen SSPA adalah terbuka kepada semua Penjawat Awam bertaraf tetap bagi menggantikan Sistem Saran Malaysia (SSM) yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024. Seramai 455 orang di Ibu Pejabat, KBS dan seramai 2,927 orang di Jabatan/Agensi telah selesai menandatangani opsyen SSPA.



Urus setia BPSM memberikan penerangan dan menyemak pemilihan opsyen

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) 2024

Pelaksanaan PTM adalah penting sebagai syarat melayakkan pegawai disahkan dalam jawatan. Program PTM ini diadakan selama lima (5) hari bermula 26 hingga 30 Ogos 2024 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Selangor dengan bilangan peserta seramai 44 orang serta 4 orang urus setia secara bergilir. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) bertindak sebagai urus setia induk bagi program ini dan menyelaras sepanjang program ini berlangsung serta membuat penilaian kepada peserta yang terlibat.



Sambutan Hari Kemerdekaan dan Sesi Penyampaian Hadiah



Sesi Ujian Kefahaman semua peserta

Bahagian Kewangan diterajui oleh Setiausaha Bahagian, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M14 dengan kekuatan seramai 28 perjawatan tetap dan seorang Personel MySTEP. Sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) utama di bawah Kementerian Belia dan Sukan, Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan perbelanjaan mengurus Kementerian secara cekap dan teratur berpandukan kepada perancangan tahunan serta peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Bahagian ini juga memainkan peranan dalam memberi khidmat sokongan kepada pelaksanaan aktiviti/program Kementerian bagi memastikan pelaksanaannya adalah teratur, cekap, berkesan dan berintegriti.

FUNGSI BAHAGIAN KEWANGAN

- Memantau dan menyelaras pelaksanaan, perjalanan serta kecekapan pengurusan kewangan dan akaun;
- Menyelaraskan penyediaan cadangan Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) B.45 bagi Jabatan, Bahagian serta Agensi di bawah KBS;
- Menguruskan pembayaran serta aktiviti kewangan dan akaun bagi ibu pejabat Kementerian di bawah Belanja Mengurus, Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Amanah;
- Memantau dan menyelaras pengurusan perolehan melibatkan Jabatan, Bahagian serta Agensi di bawah KBS;
- Bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan hasil dan deposit bagi Jabatan, Bahagian serta Agensi di bawah KBS; dan
- Mengurusetiaikan mesyuarat-mesyuarat utama kewangan di peringkat Kementerian.

PENCAPAIAN

ARAHAN PENTADBIRAN KEWANGAN (APK)

Arahan Pentadbiran Kewangan (APK) KBS telah diluluskan oleh YBhg. Ts. Dr. Ketua Setiausaha bagi menggantikan Arahan Pegawai Pengawal (APP) KBS. APK ini diwujudkan sebagai kawalan dalaman KBS di dalam pengurusan kewangan bagi semua Jabatan/Bahagian/Agensi termasuk PTJ-PTJ di bawah seliaan KBS. Inisiatif ini dilakukan untuk memastikan tatakelola pengurusan kewangan yang lebih cekap, teratur dan berhemah.

Bagi memastikan penerimaan secara menyeluruh APK kepada seluruh warga Kementerian terutamanya kepada warga kerja KBS yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kewangan dan perolehan, Bahagian Kewangan telah melaksanakan Taklimat APK KBS secara dalam talian pada 25 Julai 2024 kepada lebih 300 orang warga kerja sebelum APK KBS ini berkuatkuasa secara rasmi pada 1 Ogos 2024.



PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN MENGURUS B.45

KBS telah diluluskan Peruntukan Mengurus B.45 sebanyak **RM567,809,900.00** pada tahun 2024. Prestasi belanja sebenar mencapai **RM569,637,787.49** atau **100.32%** sebelum penyelarasan oleh Kementerian Kewangan (MOF) melibatkan pelarasan emolumen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dan Bantuan Khas Kewangan (BKK).

Perincian perbelanjaan keseluruhan adalah seperti berikut:

Program	Peruntukan Kemas Kini (RM)	Belanja Bersih (RM)	%	Baki (RM)
Pengurusan	75,159,275.00	75,005,574.17	99.80	153,700.83
Pembangunan Belia dan Sukan	332,260,390.00	335,260,704.98	100.90	(3,000,314.98)
Program Khusus	159,323,500.00	158,292,767.22	99.35	1,030,732.78
One-Off	1,066,735.00	1,062,942.00	99.64	3,793.00
Keseluruhan	567,809,900.00	569,621,988.37	100.32	(1,812,088.37)

Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan

PENGURUSAN PEMBAYARAN

Bahagian Kewangan juga bertanggungjawab memproses bil dalam tempoh 14 hari di peringkat PTJ Menara KBS. Jumlah keseluruhan bil yang telah diproses adalah seperti berikut:

Bulan	Bilangan Bil	Nilai Bil (RM)
Januari	307	68,397,546.95
Februari	325	13,732,736.65
Mac	366	25,908,286.32
April	371	74,408,782.65
Mei	410	8,877,373.39
Jun	411	13,453,360.44
Julai	515	80,056,608.32
Ogos	454	20,379,414.34
September	427	116,782,815.36
Oktober	516	14,163,836.57
November	711	77,414,225.63
Disember	426	7,651,979.31
Jumlah	5,239	521,226,965.93

Jadual 2: Pembayaran Bil, Tahun 2024

Sehingga 31 Disember 2024, Bahagian Kewangan telah berjaya menyelesaikan 100% pembayaran bil di bawah 14 hari.

PENGURUSAN PEROLEHAN

Bahagian Kewangan melalui Cawangan Perolehan juga bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Bahagian ini berperanan sebagai medium perantara bagi segala urusan perolehan seperti memberi khidmat nasihat, bantuan dan sokongan. Keseluruhannya, bahagian ini berjaya melaksanakan perolehan melalui Sistem ePerolehan melibatkan nilai perolehan sebanyak **RM195,256,549.05**.

Kaedah Perolehan	Bil Perolehan	Nilai Perolehan (RM)
Pembelian Terus	777	2,857,169.17
Sebut Harga	244	61,765,882.64
Tender Terbuka	48	130,633,497.24
Rundingan Terus	-	-
Jumlah	1,069	195,256,549.05

Jadual 3: Perincian Kaedah dan Nilai Perolehan Tahun 2024

PROGRAM DAN AKTIVITI



Kursus Pengurusan Perolehan Siri 1 Tahun 2024
28 Februari 2024 | Bilik Mesyuarat Aras 4 & Hibrid



Kursus Pengurusan Perolehan Siri 2 Tahun 2024
30 Jun - 2 Julai, 2024 | Imperial Heritage Gourmet & Boutique Hotel, Melaka



Bengkel Perancangan Perolehan dan Perbelanjaan KBS Tahun 2025
3 - 5 November 2024 | Perdana Kota Bharu, Kelantan

Bahagian Pembangunan (BPN) mempunyai seramai 28 orang pegawai dan kakitangan yang diterajui oleh Setiausaha Bahagian (Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M14). Bahagian ini bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia, dan memantau projek serta program pembangunan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) dengan mematuhi garis panduan, pekeliing, serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

FUNGSI

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

- Merancang, melaksana, memantau dan menilai projek/ program Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan efisien; dan
- Memastikan projek/ program di bawah peruntukan pembangunan dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai keberhasilan yang ditetapkan.

PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KBS DI BAWAH ROLLING PLAN KEEMPAT (RP4) RMKE-12

PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KBS BAGI TAHUN 2024

Pada tahun 2024, sebanyak 229 projek telah diluluskan merangkumi 175 projek sambungan dan 54 projek baharu. Sehingga 31 Disember 2024, prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan (DE) KBS adalah sebanyak RM 391,341,625.00 atau bersamaan dengan 98.09 peratus selepas mengambil kira sekatan sebanyak RM89,217,100.00. Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan sehingga 31 Disember 2024 ialah seperti berikut:

Peruntukan Dipinda (RM)	Sekatan (RM)	Belanja (RM) & Peratus Belanja (%)
RM 488,167,800	RM 89,217,100	RM 391,341,625 (98.09%)



PELAKSANAAN MESYUARAT/ BAHAGIAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2024

Pada tahun 2024, Bahagian Pembangunan telah melaksanakan mesyuarat/ program/ lawatan seperti berikut:

Mesyuarat/ Program/ Lawatan	Jumlah
Mesyuarat Majlis Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) Kementerian Belia Dan Sukan	12
Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) Kementerian Belia Dan Sukan	2
Mesyuarat Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT)/ Mesyuarat Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja (APK)/ Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kuantiti Sementara (KKS)/ Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK)/ Mesyuarat Jawatankuasa Wang Peruntukan Sementara (WPS)	11
Mesyuarat <i>Contract Coordination Panel</i> (CCP)	7
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tanah (JPTK) Kementerian Belia dan Sukan	1

MAKLUMAT BENGKEL DAN KURSUS

Pada tahun 2024, Bahagian Pembangunan telah melaksanakan mesyuarat/ program/ lawatan seperti berikut:

Kursus/ Bengkel	Tarikh
Kursus Pelaksanaan Perakuan Pendaftaran Kad Pendaftaran Personel Binaan (<i>Green Card</i>)	02/8/2024
Bengkel Penyediaan Pelan Kebangsaan Kemudahan Sukan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	28/08/2024 – 30/08/2024
Kursus Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	14/10/2024 – 16/10/2024
Kursus Perakuan Pendaftaran Kad Pendaftaran Personel Binaan (<i>Green Card</i>)	11/11/2024
Bengkel Penyelarasan Projek <i>Rolling Plan</i> Kelima (RP5) 2025 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Penyediaan Perancangan Projek Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) Kementerian Belia dan Sukan	13/11/2024 – 15/11/2024



Kursus Pelaksanaan Perakuan Pendaftaran Kad Pendaftaran Personal Binaan (*Green Card*)



**MAJLIS
PENYERAHAN SIAP KERJA NAIK TARAF
KOMPLEKS RAKAN MUDA ROMPIN
DAN
PEMBINAAN BENTENG PEMECAH OMBAK
KOMPLEKS RAKAN MUDA ROMPIN**



Bahagian Akaun (BA), Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) berperanan memastikan pengurusan perakaunan dan kewangan yang berkualiti dan berintegriti selaras dengan visi dan misi BA.



VISI

Peneraju perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam



MISI

Menyediakan perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam yang efisien, efektif dan berkualiti

FUNGSI

BAHAGIAN AKAUN

- Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan KBS.
- Memastikan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan KBS dan agensi sentiasa mematuhi peraturan semasa yang berkuatkuasa.
- Menyediakan Penyata Kewangan KBS yang berkualiti dan berintegriti.
- Memberikan khidmat nasihat yang berkualiti dan memuaskan hati pelanggan dalam isu perakaunan dan kewangan selaras dengan amalan terbaik.
- Membantu pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian dalam membuat keputusan yang berkesan.

PENCAPAIAN

PEMBAYARAN 100% BIL SEMPURNA DALAM TEMPOH 14 HARI

Pembayaran bil sempurna dalam tempoh 14 hari merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian yang dipantau secara bulanan oleh Jabatan Perdana Menteri dan merupakan salah satu daripada Pelan Strategik KBS 2021 - 2025 bawah Program Strategi 3, Teras Strategik 5 iaitu Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus. Bagi tahun 2024, semua Pusat Tanggung Jawab (PTJ) di bawah KBS telah berjaya mengekalkan prestasi 100% pembayaran bil sempurna dalam tempoh 14 hari selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 103 (a) yang melibatkan 54 PTJ seperti di Rajah 1.

Bahagian
AKAUN



Rajah 1 : Prestasi Pembayaran Bil Sempurna Pada Tahun 2019-2024



PENYATA KEWANGAN KEMENTERIAN (PKK) [PRA PERALIHAN] BAGI TAHUN KEWANGAN 2023

PKK KBS bagi tahun kewangan 2023 telah sempurna ditandatangani oleh Ketua Setiausaha (KSU) selaku Pegawai Pengawal pada 3 April 2024 dan dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada 5 April 2024. PKK tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara (JAN) pada 31 Mei 2024. PKK KBS menunjukkan kedudukan dan prestasi kewangan KBS dalam pengurusan Aset, Liabiliti, Hasil dan Belanja dalam membantu Pengurusan Tertinggi KBS dalam membuat keputusan strategik dan perancangan polisi yang lebih baik.



Sesi Tandatangan Penyata Kewangan KBS Tahun 2023 pada 3 April 2024 oleh Ketua Setiausaha

ANUGERAH PUSAT TANGGUNG JAWAB (PTJ) TERBAIK/CEMERLANG TAHUN 2023



Anugerah PTJ Terbaik diperkenalkan oleh BA bermula pada tahun 2016 kepada PTJ bawah KBS dalam pengiktirafan dan penghargaan bagi PTJ yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam pengurusan perakaunan dan kewangan terutamanya prestasi pembayaran bil dan terimaan, perakaunan aset dan pematuhan kepada peraturan kewangan yang melibatkan 68 PTJ yang turut berperanan sebagai Pejabat Pemungut. Bagi tahun kewangan 2023, 11 PTJ telah mendapat penarafan **CEMERLANG** dan 32 PTJ mendapat penarafan **BAIK**. Anugerah ini telah disempurnakan oleh KSU dalam Perhimpunan Mesra Bulan Mac KBS pada 21 Mac 2024.

MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN (JPPA) DAN JAWATANKUASA PEMANTAU *STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES (SAGA)* KBS



Punca kuasa bagi kedua-dua mesyuarat JPPA dan SAGA, KBS adalah Pekeliling Perbendaharaan PS 1.2 - Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2018. Mesyuarat tersebut telah berjaya diadakan mengikut ketetapan bagi dua (2) kali setahun iaitu pada 13 Mei dan 11 Disember 2024 yang dipengerusikan oleh KSU KBS.

Objektif mesyuarat JPPA adalah untuk memantau dan memastikan pelaksanaan perakaunan akruan di peringkat KBS berjalan dengan lancar dan sempurna. Manakala mesyuarat SAGA pula adalah bagi

membincangkan pembangunan / pelaksanaan sistem perakaunan agensi-agensi di bawah KBS yang perlu mendapat Sijil Pematuhan SAGA supaya Penyata Kewangan dapat disediakan dengan lebih cepat, tepat, kemaskini, berintegriti, mematuhi piawaian perakaunan yang diterima pakai serta menjamin keselamatan dan ketersediaan data/maklumat kewangan.

Pelaksanaan naziran oleh BA bagi tahun 2024 terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu:

- Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan di lima (5) PTJ KBS
- Naziran Khas Aset Tak Alih (ATA) Tanah dan ATA Bangunan yang terlibat dua (2) PTJ KBS dan 26 PTJ bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) di seluruh negara

Pelaksanaan naziran ini adalah selaras dengan punca kuasa dalam AP 138 dan AP 139 serta SPANM Bilangan 1 Tahun 2019. Objektif naziran ini adalah bagi memastikan PTJ mematuhi semua peraturan kewangan dan perakaunan, piawaian perakaunan dan peraturan yang berkuat kuasa. Ia juga bagi memastikan PTJ mengambil tindakan ke atas penemuan naziran untuk mengelakkan teguran berulang daripada JAN.

PELAKSANAAN NAZIRAN KE ATAS PTJ DI BAWAH KBS



PEMANTAUAN PELAKSANAAN TERIMAAN TANPA TUNAI JOMPAY DI INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN BELIA & SUKAN (ILKBS) DAN JABATAN BELIA DAN SUKAN (JBSN)

Terimaan Tanpa Tunai melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih JomPAY merupakan inisiatif yang dimulai dan diselaraskan oleh BA kepada 21 ILKBS di seluruh negara pada 15 Jun 2024 bagi menerima kutipan tuntutan ganti rugi daripada pelajar ILKBS. Pelaksanaan terimaan JomPAY ini dapat meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam. Pelaksanaan terimaan JomPAY akan diperluas kepada penggunaan tempahan kemudahan sukan di JBSN yang dijangka pada tahun 2025.

PROGRAM DAN AKTIVITI

KURSUS/BENGGKEL

Bagi tahun 2024, BA telah berjaya menganjurkan kursus/bengkel seperti berikut:

Bil	Kursus/ Program	Jumlah Peserta	Tarikh
1	Kursus Perakaunan Aset Siri 1	36 orang	20-22 Februari
2	Kursus Perakaunan Akruan <i>Improvements To</i> MPSASs Badan Berkanun Persekutuan	28 orang	21-22 Februari
3	<i>Town Hall</i> Isu-isu Kewangan	495 orang	27 Februari
4	Bengkel Semakan Kamus dan Output <i>MyCost</i>	31 orang	24 - 25 April
5	Kursus Perakaunan Aset Siri 2	21 orang	21 - 23 Oktober
6	Kursus Pengurusan Terimaan Siri 1	30 orang	7 - 9 Oktober
7	Kursus Pengurusan Terimaan Siri 2	30 orang	21 - 23 Oktober

Semua kursus/bengkel yang diadakan telah berjaya mencapai objektifnya. Kursus/bengkel ini juga telah memberi panduan kepada pegawai-pegawai berkaitan dengan tindakan perakaunan yang perlu diambil terhadap item perbezaan bagi memastikan rekod perakaunan aset di iGFMAS adalah selaras dengan sistem pemantauan pengurusan aset (SPPA), sistem MYLAND, sistem MYSPATA dan lain-lain rekod pengurusan aset kerajaan.

Bagi kursus pengurusan terimaan pula, semua PTJ telah diberi input baharu berkaitan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 4 tahun 2024 berkaitan Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal kepada pegawai perakaunan di bawah AP11 agar dipatuhi oleh semua PTJ KBS. Selain itu, pendedahan berkaitan pelaksanaan Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (iPayment) juga turut dikongsi agar PTJ bersedia untuk pelaksanaannya pada masa akan datang.



*Bengkel Semakan Kamus dan Output MyCost
24 - 25 April 2024 | Menara KBS*



*Kursus Pengurusan Terimaan Siri 2
21 - 23 Okt. 2024 | JANM Negeri Kedah*

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) KBS diwujudkan daripada naik taraf Cawangan Teknologi Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan pada bulan Mei 2007. Pada tahun 2008, JPA telah memperakui perubahan nama Bahagian Teknologi Maklumat kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM). BPM berperanan menyokong teras perkhidmatan utama KBS dengan memperkasakan penggunaan ICT dalam setiap aktiviti dan program berkaitan belia dan sukan bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Selain itu, BPM turut memainkan peranan penting dalam merangka hala tuju strategik pendigitalan KBS bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan digital kepada rakyat. Usaha ini dilaksanakan berdasarkan keperluan ekosistem perkhidmatan dan ICT yang merangkumi **empat domain utama**:



AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PROGRAM KESELAMATAN ICT: *DEVICE ATTACK, BLOCK!*

Program Keselamatan ICT: *Device Attack, Block!* telah diadakan pada 27 Jun 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Podium A. Program ini oleh 153 orang peserta daripada wakil bahagian di Menara KBS serta wakil di bawah KBS. Program ini dilaksanakan susulan laporan insiden yang dikeluarkan oleh *CyberSecurity Malaysia* yang mencatatkan 528 insiden keselamatan sehingga Mac 2024, serta 7,192 insiden keselamatan siber pada tahun 2023. Insiden tersebut melibatkan *Denial of Service (DOS)*, *SPAM*, *Fraud* dan lain-lain. Selain itu, pemantauan pihak Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Majlis Keselamatan Negara juga mendapati bahawa kebanyakan insiden siber adalah berpunca daripada kurangnya kesedaran di peringkat pengguna. Sehubungan itu, program ini telah dilaksanakan dengan tujuan utama:-

- Memberi pendedahan kepada semua warga KBS mengenai ancaman dan potensi berlakunya pencerobohan keselamatan atau pendedahan maklumat yang melibatkan peranti ICT peribadi;
- Memahami perkembangan teknologi baharu ICT yang boleh diaplikasi dan diadaptasi dalam melaksanakan tugas sebagai pegawai penjawat awam; dan
- Mendapatkan pengalaman pegawai yang mempunyai pengalaman luas dalam keselamatan siber untuk berkongsi maklumat berhubung isu-isu semasa serta langkah pencegahan bersesuaian yang boleh diambil.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan bagi meningkatkan kesedaran bahawa keselamatan siber adalah tanggungjawab bersama. Antara aktiviti menarik yang dijalankan termasuk Ceramah Keselamatan Siber, Kuiz Interaktif dan Permainan Berkonsepkan Keselamatan Siber.

BENKEL SISTEM PEMANTAUAN LAMAN WEB DAN SERVIS KERAJAAN (SPLASK) BERSAMA AGENSI DI BAWAH KBS

Bengkel Sistem Pemantauan Laman Web dan Servis Kerajaan (SPLASK) telah dilaksanakan pada 1 dan 2 Oktober 2024 melibatkan agensi-agensi di bawah KBS dengan khidmat nasihat pasukan SPLASK Jabatan Digital Negara (JDN). Bengkel ini telah dihadiri oleh Pentadbir Laman Web daripada Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara, Perbadanan Stadium Malaysia dan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia. SPLASK merupakan inisiatif penting dilaksanakan oleh JDN yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi, kebolehgunaan, serta ketepatan laman web dan perkhidmatan dalam talian kerajaan. Oleh itu, bengkel ini dianjurkan untuk membekalkan pegawai kerajaan dan pentadbir laman web dengan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan pemantauan laman web dan menggunakan SPLASK secara berkesan. Objektif utama pelaksanaan bengkel ini adalah:-

- (i) Pengenalan kepada SPLASK: Memberikan gambaran keseluruhan tentang sistem ini, komponennya, dan faedahnya.
- (ii) Latihan Teknikal: Membekalkan peserta dengan kemahiran teknikal yang diperlukan untuk membangunkan *tagging/crawler* mengikut kesesuaian laman web KBS dan agensi-agensi di bawah KBS.
- (iii) Pemantauan Prestasi: Memberi pendedahan kepada peserta kaedah pemantauan dan analisa matrik prestasi laman web.
- (iv) Pengurusan Kandungan: Panduan mengenai amalan terbaik untuk mengekalkan kandungan laman web yang tepat dan terkini.
- (v) Kebolehgunaan dan Kebolehcapaian: Menekankan kepentingan mewujudkan laman web kerajaan yang mesra pengguna dan boleh diakses.

PENGENALAN PENGGUNAAN KBS DCARD KEPADA KETUA BAHAGIAN/AGENSI KBS

Bahagian Pengurusan Maklumat telah memperkenalkan penggunaan KBS Digital Card (KBS DCard) kepada semua Ketua Bahagian dan Agensi di bawah KBS sebagai satu inisiatif penggantian kad nama bercetak kepada versi digital. DCard menggunakan teknologi *Near-Field Communication* (NFC) dan kod QR serta dibangunkan bersama Sistem DCard yang berasaskan HTML, PHP v7.1 dan MySQL v8. Sistem ini memudahkan pengurusan, pemantauan dan penyelenggaraan DCard. DCard dikonfigurasi menggunakan aplikasi telefon NFC Tools v2.29 bagi menyimpan pautan pengguna yang dibaca dari Sistem DCard sekali gus meningkatkan keselamatan dan kecekapan capaian maklumat pegawai KBS. BPM telah melaksanakan pengenalan penggunaan DCard kepada semua Ketua Bahagian dan Agensi selepas menerima saranan daripada YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatarasu, Ketua Setiausaha KBS melalui pertemuan pada 15 Ogos 2024. Dalam pertemuan tersebut beliau mencadangkan perluasan penggunaan DCard kepada ahli Pengurusan Tertinggi KBS, termasuk Ketua Jabatan dan Setiausaha Bahagian KBS. Penyediaan dan serahan kad telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada 22 Ogos 2024.



Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan sokongan di Kementerian seperti pentadbiran am, pengurusan logistik dan fasiliti, pengurusan aset alih, pengurusan keselamatan, pengurusan kualiti dan inovasi, pengurusan rekod dan pusat sumber serta pengurusan TASKA melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, efektif, cekap, berkesan dan adil kepada pelanggan dalaman dan luaran untuk memastikan misi visi perkhidmatan teras kementerian tercapai.

PENGIKTIRAFAN DAN PENCAPAIAN

PENGIKTIRAFAN CEMERLANG GRED A DI DALAM AUDIT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Kementerian telah mendapat pengiktirafan cemerlang Gred A dengan markah 96.84% menerusi pengauditan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) pada 27 Ogos 2024. Audit yang dilaksanakan satu (1) kali dalam tempoh dua (2) tahun ini merupakan inisiatif Kerajaan dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja di pejabat awam mematuhi piawaian dan perundangan yang digariskan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

*Sijil Pengiktirafan Cemerlang (Gred A:96.84%)
Kementerian Belia dan Sukan tahun 2024*



SIJIL PENARAFAN 5 BINTANG DALAM PERTANDINGAN JIWA MERDEKA ANTARA KEMENTERIAN SEMPENA BULAN KEBANGSAAN 2024



Pertandingan Keceriaan antara Kementerian Sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2024

Kementerian telah menyertai pertandingan keceriaan antara kementerian sempena sambutan Hari Kebangsaan 2024 yang diadakan sepanjang bulan kemerdekaan dengan membawa konsep jiwa merdeka menerusi sukan dan slogan "Kita Semua Team MAS" dan telah berjaya menempatkan KBS dengan penarafan 5 bintang. Kemuncak penjurian dan penganugerahan telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil, Menteri Komunikasi pada 21 November 2024 bertempat di Hotel Everly Putrajaya.

*Majlis Penyampaian Sijil Penarafan 5 Bintang dalam
Pertandingan Jiwa Merdeka antara Kementerian Tahun 2024*

Bahagian
KHIDMAT PENGURUSAN





Sambutan Hari Kebangsaan tahun 2024 di Dataran Putrajaya

Sambutan Hari Inovasi Tahun 2024

Pada 14 November 2024, BKP telah menyelaras dan melaksana Sambutan Hari Inovasi peringkat Kementerian dengan pengisian pelbagai program dan aktiviti yang bertemakan inovasi dan kreatif melibatkan Jabatan dan Agensi. Antara pengisian pada hari sambutan berkenaan adalah Eksplorasi Inovasi, Seminar Inovasi dan Pameran Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Kemuncak sambutan telah dirasmikan oleh YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha Kementerian.



Sambutan Hari Inovasi bagi tahun 2024

Perbarisan Hari Kebangsaan

BKP turut menyelaras penglibatan Kementerian dalam perbarisan sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2024. Bertemakan pakaian sukan, kontinjen perbarisan yang diketuai oleh En Richard Barahim, Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan dengan kekuatan anggota seramai 407 orang dari kalangan warga Kementerian, Jabatan dan Agensi telah menyertai perarakan di sepanjang Dataran Putrajaya bersempena Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-67.

Program MADANI Rakyat

Sepanjang tahun 2024, Program MADANI Rakyat telah dianjurkan mengikut zon di seluruh negara, termasuk Zon Tengah, Zon Utara, Zon Timur, Zon Selatan, Zon Sarawak, Zon Sabah dan kemuncak penganjuran Program Dua Tahun Kerajaan MADANI (2TM) di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada 22 hingga 24 November 2024. BKP telah menyelaras penglibatan Kementerian di setiap zon penganjuran dengan pelbagai pengisian aktiviti seperti pameran dan perkhidmatan langsung kementerian, pertandingan e-sports dan larian MADANI rakyat.



Menaik Taraf Lobi Menara KBS

Pada tahun 2024 juga, BKP telah melaksanakan kerja-kerja naik taraf Lobi Menara KBS yang telah mencapai usia 20 tahun. Dengan konsep ergonomik dan moden, lobi yang baharu ini dilengkapi dengan ruang yang lebih mesra pengguna termasuk akses mesra OKU. Selain itu, sistem pencahayaan cekap tenaga yang bukan sahaja menjimatkan kos tetapi juga mesra alam. Naik taraf ini mencerminkan usaha KBS untuk bergerak seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI, dimana perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan turut memberi impak positif kepada pengunjung.



Lobi Menara KBS sebelum penambahbaikan



Lobi Menara KBS selepas penambahbaikan



Unit Komunikasi Korporat (UKK) bertanggungjawab dalam merancang dan menguruskan tugas-tugas korporat, pengurusan media, pengurusan aduan dan khidmat pelanggan yang bertujuan untuk meningkatkan imej KBS.

PENCAPAIAN

KEMPEN DAN PROMOSI MEDIA SOSIAL

Tahun 2024, UKK telah melaksanakan pelbagai aktiviti promosi program-program berkaitan dengan pemeraksanaan belia dan sukan menerusi platform digital di laman rasmi media sosial Kementerian Belia dan Sukan iaitu Facebook, Instagram, X, TikTok dan YouTube.

Antara aktiviti promosi yang telah dilaksanakan adalah seperti Rakan Muda, Dana Sukan KBS 2024, Inisiatif Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Berkaitan Sukan, Wanita Dalam Sukan, Kempen Sukan Olimpik dan Paralimpik, Kempen #KitaSemuaTeamMAS dan sebagainya.

Kempen yang dilaksanakan ini telah menghasilkan lebih **10 juta impressions**, **5 juta reach** dan **200 ribu clicks** daripada masyarakat awam. KBS akan sentiasa memastikan maklumat disampaikan secara terus melalui platform ini dengan mengutamakan kandungan yang berinformasi dan relevan dari semasa ke semasa.



PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BERKAITAN SUKAN

Pewajutan jenis potongan cukai individu bagi "Peralatan dan Aktiviti Sukan" terhad **SEHINGGA RM1000**

MULAI TAHUN TAKSIRAN 2024
(Cukai Pendapatan Individu)

SKOP PELEPASAN:

- i) Pembelian peralatan sukan tidak termasuk basikal dua roda bermotor.
- ii) Bayaran sewaan atau fi kemasukan ke mana-mana fasiliti sukan.
- iii) Bayaran fi pendaftaran bagi menyalur apa-apa pertandingan sukan yang diiktiraf oleh PJS dan/atau badan sukan berdaftar; dan
- iv) Yuran keahlian gimnasium atau latihan sukan yang disediakan oleh jurulatih di bawah badan sukan atau syarikat yang berdaftar.

Perbelanjaan dibuktikan dengan resit yang dikeluarkan oleh badan sukan atau syarikat yang berdaftar.

Dalam hal bilik dan penyata akaun bank tidak boleh dipaparkan.

Carian badan sukan dan aktiviti sukan: www.erosa.kbs.gov.my

PERMOHONAN KINI DIBUKA!

Geran Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara (KWASN)

Sila imbas:

Layari: <https://www.kbs.gov.my/utama-kwasn>



KENALI LOGO TEAM MAS

SIMBOLISME HARIMAU

Harimau, sebagai haiwan kebangsaan Malaysia, melambangkan keberanian dan kekuatan. Bentuknya yang moden dan abstrak menyampaikan dinamisme dan kegagahan, mencerminkan semangat kompetitif atlet dalam sukan.

TEAM MAS

#KitaSemuaTeamMAS

y-capsule @ lyc residence

Ruang Menginap **SELESA & SELAMAT** Kadar Sewaan Hari **RM10/HARI**

KEMUDAHAN FASILITI YANG LENGKAP

BERDEKATAN PERHENTIAN BAS

- T402** MRT TMN. MIDAH (PINTU A) KE LRT SALAK TINGGI
- T400** MRT COCHRANE KE BDR. TUN RAZAK
- GOKL-11 (GREY)** MRT MALURI KE BDR. TUN RAZAK

Amenities: Wi-Fi, Duku LRT, Ruang Pakej

Untuk maklumat lanjut dan tempahan, sila hubungi +603-91719204/5

TAHUKAH ANDAI?

Pelaksanaan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2021-2025

TIGA SASARAN UTAMA PELAN TINDAKAN WANITA DALAM SUKAN 2021 - 2025

- 30%** 1. Kejuruteraan dan Kepegawaian: Peningkatan pegawai (telukal dan juluat) wanita mencapai tahap 30%.
- 60%** 2. Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM): Skor lebih bagi wanita mencapai sekurang-kurangnya skor 60.
- 30%** 3. Kepimpinan dalam Badan Sukan: Peningkatan wanita dalam jawatan tertinggi badan sukan peribadi peringkat kebangsaan mencapai sekurang-kurangnya 30%.

PENGURUSAN ADUAN

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 231 aduan telah diterima oleh Kementerian, Jabatan, Bahagian dan Agensi di bawah KBS. Aduan ini diklasifikasikan sebagai aduan awam dan bukan aduan yang ditafsirkan sebagai pertanyaan, cadangan dan penghargaan orang awam terhadap perkhidmatan yang diberikan.

KBS mencatatkan prestasi pencapaian pengurusan aduan KBS sebanyak **100% aduan yang berjaya** diselesaikan mengikut Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2022: Penambahbaikan Pengurusan Aduan Awam. KBS sentiasa memantau dan memastikan setiap aduan yang diterima dapat diselesaikan dengan sebaiknya mengikut prosedur yang telah ditetapkan supaya rakyat mendapat manfaat terhadap setiap perkhidmatan yang disediakan oleh KBS.

MAKLUM BALAS PELANGGAN

KBS sentiasa komited dalam memenuhi ekspektasi pelanggan Kementerian khususnya pemegang taruh belia dan sukan. Oleh yang demikian, UKK telah melaksanakan Kajian Kepuasan Pelanggan dalam meninjau mutu perkhidmatan KBS. Kajian ini penting sebagai instrumen bagi mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti dan keberkesanan perkhidmatan di bawah KBS.

Bagi tahun 2024, sebanyak 7,904 responden telah terlibat dalam Kajian Kepuasan Pelanggan ini. Sejumlah 7,856 (99%) telah memberikan maklum balas Memuaskan bagi perkhidmatan yang diterima daripada KBS.

Skop kajian memfokuskan kepada Hari Terbuka KBS, Hebahan Media Sosial KBS, Hari Sukan Negara, Hebahan Dalam KBS, Program MADANI Rakyat dan lain-lain lagi.

KAJIAN DILAKSANAKAN BERMULA FEBRUARI 2024 SEHINGGA 31 DISEMBER 2024




PENGURUSAN DAN PERHUBUNGAN MEDIA

Pengurusan dan perhubungan media merupakan tanggungjawab UKK bagi memastikan dasar, mesej dan informasi Kementerian dapat disalurkan dan disebar luas secara efektif kepada setiap lapisan masyarakat khususnya pemegang taruh belia dan sukan.

Bagi memastikan semua maklumat dapat disampaikan secara berkesan sebanyak **93 siaran media dan kenyataan media** telah dikeluarkan sepanjang tahun 2024 yang melibatkan Menteri, Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha.

Di samping itu juga sentimen terhadap liputan berita berkaitan KBS mencatatkan **95% sentimen positif dan neutral** bagi sepanjang tahun 2024.

PERATUSAN LIPUTAN BERITA KBS MENGIKUT SENTIMEN JANUARI - DISEMBER 2024



Unit Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) adalah Organisasi Anti-Doping Kebangsaan (NADO) di Malaysia yang beroperasi di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Sebagai pihak berkuasa utama untuk program anti-doping pada peringkat kebangsaan, ADAMAS bertanggungjawab untuk melaksanakan, menyelaras dan memantau semua usaha bagi memerangi doping dalam sukan di negara ini dan memastikan persekitaran sukan bersih dan berintegriti.

FUNGSI ANTI-DOPING

- Pendidikan, kesedaran dan promosi
- Pengujian, risikan dan siasatan
- Pengurusan Keputusan
- Pengurusan pengecualian penggunaan Terapeutik (TUE)
- Kerjasama strategik pemegang taruh dan hubungan antarabangsa
- Penyelidikan & Pembangunan
- Dasar dan tadbir urus
- Latihan dan pembangunan kapasiti Pendidik anti-doping dan Pegawai Pengumpulan Sampel

PROGRAM DAN AKTIVITI

ANTI-DOPING SOCIAL SCIENCE RESEARCH SEMINAR 2024

Seminar ini telah diadakan pada 22 Oktober sehingga 23 Oktober 2024 bertempat di Universiti Sains Malaysia. Seminar ini disertai seramai 100 orang yang terdiri daripada organisasi anti-doping, ahli akademik dan para penyelidik sains sosial dari rantau ASEAN dan Asia/Oceania.

Seminar ini adalah satu inisiatif bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penyelidikan berkaitan anti-doping dalam membantu pengamal anti-doping bagi merangka program dan aktiviti yang berkesan berdasarkan dapatan sahih daripada penyelidikan atau kajian sains sosial.



ANTI - DOPING SOCIAL SCIENCE RESEARCH SEMINAR 2024

OCTOBER 2024
22 - 23

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENANG, MALAYSIA



Unit

ANTI-DOPING MALAYSIA (ADAMAS)



Persidangan ini telah diadakan pada 27-29 Februari 2024 bertempat di Cannes, France. Persidangan ini melibatkan seramai 500 orang peserta dari seluruh dunia terdiri daripada pentadbir pendidikan dan penyelidik. Turut hadir bersama adalah Cik Nageswary Thiagarajan, Ketua Penolong Pengarah dan Encik Zulkefli bin Saref, Penolong Pengarah Kanan II.

Persidangan ini diadakan untuk membincangkan dan berkongsi maklumat mengenai perkembangan terkini dalam aspek pendidikan anti-doping di samping mengenal pasti kaedah bagaimana badan anti-doping negara-negara dapat meningkatkan kualiti program pendidikan masing-masing.

MEMPERKUKUH INTEGRITI SUKAN: PENYERTAAN MALAYSIA DALAM WADA ANNUAL SYMPOSIUM & INADO ANNUAL WORKSHOP 2024

Bagi memastikan Malaysia terus seiring dengan standard antarabangsa dalam pemerkasaan anti-doping, Pengarah ADAMAS, Puan Azura binti Abidin dan Puan Nor Azhani Abd Hazis, Penolong Pengarah Kanan ADAMAS telah menghadiri WADA Annual Symposium 2024 (12-13 Mac, SwissTech Convention Center, Lausanne) serta INADO Annual Workshop 2024 (14 Mac, University of Lausanne).



Puan Azura Abidin, Pengarah ADAMAS serta Puan Nor Azhani, Penolong Pengarah I telah menghadiri WADA Annual Symposium di Lausanne

Bertemakan “One Mission – One Team”, simposium ini menghimpunkan lebih 1,100 pemimpin anti-doping, termasuk badan sukan antarabangsa, makmal WADA, dan agensi penguatkuasaan. Perbincangan menekankan inovasi dalam pengujian & siasatan, khususnya pendekatan *intelligence & investigation* bagi memperkukuh keberkesanan pengesanan doping.

Selain itu, pendidikan anti-doping ditekankan sebagai strategi pencegahan utama dalam membentuk budaya sukan bersih. Perbincangan turut merangkumi pengurusan keputusan yang adil, pemantapan dasar anti-doping sejajar dengan Kod WADA, serta perlindungan hak atlet bagi memastikan keadilan dalam sistem anti-doping.

Penyertaan ini mengukuhkan peranan ADAMAS dalam memperkasakan landskap anti-doping Malaysia agar terus selari dengan piawaian global dan mempertahankan integriti sukan negara.



Pembukaan Rasmi Persidangan Pendidikan Global 2024



PELAKSANAAN MODUL VALUE BASED EDUCATION (VBE) MELALUI PROGRAM "WIRA JUARA"

Program Wira Juara 2024 anjuran Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) 2024 telah diadakan pada 28 – 30 November 2024 bertempat di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu. Program ini dilaksanakan melalui modul *based education* yang telah dibangunkan pada tahun 2023 khusus kepada pelajar berusia 13 hingga 17 tahun. Modul ini bertujuan untuk memberikan pendidikan berasaskan nilai (VBE) serta berfokuskan kepada atlet murid/ pelajar-pelajar sekolah sukan yang berada di Malaysia sebelum mereka menjadi atlet negara.

Seramai 54 orang atlet murid yang berumur 13-15 tahun telah terlibat dalam program ini. Program ini merupakan hasil kolaborasi bersama Bahagian Sukan Kesenian dan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, Terengganu.



ADAMAS DCO REACCREDITATION AND REFRESHER COURSE 2024

Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) telah berjaya melaksanakan ADAMAS DCO *Reaccreditation and Refresher Course* 2024 pada 21-23 Jun di Hotel Vivatel, Kuala Lumpur. Sesi penilaian semula dwitahunan (*bi-annual reaccreditation*) ini adalah mandatori bagi memastikan Pegawai Kawalan Doping (DCO) mengekalkan standard tertinggi dalam kawalan doping, selaras dengan Kod Anti-Doping Dunia dan Piawaian Antarabangsa untuk Pengujian dan Siasatan (ISTI).

Program tahun ini menampilkan pendekatan lebih strategik dan *hands-on*, dengan latihan senario kes berimpak tinggi, perbincangan mendalam, serta simulasi dunia sebenar. Fokus diberikan kepada pengukuhan kemahiran praktikal dalam pengumpulan sampel bagi memastikan kesiapsiagaan DCO dalam menangani cabaran lapangan.

Sebagai elemen penting dalam pembangunan profesional DCO, *reaccreditation* ini bukan sekadar keperluan tetapi tunggak utama dalam mengekalkan kredibiliti sistem anti-doping negara. ADAMAS kekal komited melahirkan tenaga kerja kompeten, profesional, dan berintegriti tinggi dalam memastikan sukan Malaysia kekal bersih dan bebas doping.



Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ditubuhkan pada tahun 1995 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1979. Peranan dan tanggungjawab UAD telah dimantapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1: Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri (Pindaan 2024) yang berkuat kuasa mulai 7 Oktober 2024. Pekeliling ini memperincikan peranan serta tanggungjawab UAD, Jawatankuasa Audit, Pegawai Pengawal dan Perbendaharaan Malaysia, selain memberikan panduan pelaksanaan audit dalam di organisasi. Bagi menjamin keberkesanan fungsi audit dalam, Ketua UAD bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian. UAD KBS melaksanakan pengauditan terhadap semua Jabatan, Bahagian dan Unit di bawah kawal selia KBS, selaras dengan dasar dan garis panduan yang ditetapkan. UAD telah diluluskan sejumlah 17 perjawatan yang terdiri daripada 13 jawatan kader dari Jabatan Audit Negara (JAN) dan 4 jawatan guna sama. Unit ini diketuai oleh Ketua Unit Audit Dalam Gred W13 dan dibantu oleh 12 orang pegawai bagi menjalankan tugas pengauditan serta empat (4) orang kakitangan sokongan dan pentadbiran.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF UAD *CLIQUE* IGNITE DINOBAT SEBAGAI JOHAN

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UAD telah membangunkan **Audit Issues Management System – AIMS** bagi pertandingan KIK peringkat KBS sebagai satu inisiatif inovatif bagi memperkukuh pengurusan isu audit serta telah berjaya meraih tempat pertama. AIMS dibangunkan tanpa kos dengan memanfaatkan keupayaan Microsoft Excel. Sistem ini berfungsi sebagai repositori berpusat yang membolehkan maklumat isu audit yang pernah dilaporkan di KBS serta di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Kos (PK) di bawah KBS pada tahun-tahun sebelumnya diakses secara *real-time* oleh semua warga KBS. Dengan ini, semua pihak dapat membuat keputusan yang lebih berinformasi dengan pantas dan tugas dapat diselesaikan dengan lebih cekap tanpa perlu mengambil masa yang lama untuk mencari data melalui pertanyaan kepada pegawai UAD atau meneliti semula setiap Laporan UAD.



AIMS bukan sahaja membolehkan pemantauan yang lebih sistematik terhadap status penyelesaian isu audit, tetapi juga meningkatkan kecekapan dalam pemantauan penyelesaian isu audit, mengurangkan pengulangan isu audit yang sama di pelbagai pejabat serta mempertingkatkan ketelusan dan keberkesanan pengurusan kewangan di KBS.

Matlamat sesi perkongsian ini adalah untuk memastikan tadbir urus yang lebih sistematik, berintegriti dan profesional bagi menilai serta menentukan keberkesanan proses kawalan dalaman. Syor dan khidmat nasihat diberikan bagi memastikan tahap pengurusan kewangan dan pengurusan program/ aktiviti Jabatan/ Agensi dapat dipertingkatkan seiring dengan hasrat Kerajaan dalam memastikan tatakelola yang teratur dan seterusnya mutu sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih profesional dan berintegriti dapat diperkasakan.

Seramai 461 peserta telah mengikuti sesi perkongsian ini secara atas talian dan seramai 93 peserta yang hadir secara bersemuka melibatkan 120 Jabatan/ Agensi/ Bahagian dalam KBS.



Gambar sekitar Majlis Inovasi-KIK

PROGRAM PERKONGSIAN ISU-ISU KEWANGAN, KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Sesi *Town Hall* Isu-isu Kewangan KBS Tahun 2024 dengan tema "Integriti dalam Pengurusan Kewangan Kerajaan ke Arah Membina Komuniti yang Lebih Mampan" telah diadakan pada 27 Februari 2024 di Dewan Serbaguna, KBS, melibatkan pegawai perakaunan dan kewangan dari PTJ dan PP KBS untuk meningkatkan pemahaman mengenai undang-undang dan peraturan pengurusan kewangan. Dalam sesi perkongsian oleh UAD, dibincangkan kelemahan tatakelola kewangan seperti pengurusan aset, stor, dan kenderaan kerajaan, serta diberikan syor dan nasihat untuk memperbaiki pengurusan kewangan dan pelaksanaan program, selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan tatakelola dan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih profesional dan berintegriti.



PENCAPAIAN PENGAUDITAN SEPANJANG TAHUN 2024

Sepanjang tahun 2024, UAD telah melaksanakan 22 pengauditan yang melibatkan jabatan dan agensi merangkumi 23 Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat Pemungut (PP). Jumlah ini melebihi perancangan audit tahun 2024, iaitu sebanyak 18 pengauditan. Pengauditan yang dilaksanakan meliputi Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengauditan Prestasi, Pengauditan Perolehan, Pengauditan Susulan, Pemeriksaan Mengejut, Penampilan Audit, Pengauditan Khas, Jawatankuasa Audit Program serta Jawatankuasa Siasatan Dalam.



KURSUS PEMANTAPAN DOKUMENTASI PENGAUDITAN DAN PENGADAPTASIAN AI DALAM TUGASAN AUDIT DALAM

Kursus Pemantapan Dokumentasi Pengauditan dan Pengadaptasian AI dalam Tugas Audit Dalam telah diadakan di Bilik Seminar, Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil pada 15 hingga 17 Oktober 2024, melibatkan seramai 23 orang Juruaudit dan Penolong Juruaudit di UAD KBS serta UAD di agensi-agensi di bawah KBS. Kursus ini menggabungkan fungsi pengauditan dengan teknologi terkini. Dalam era data raya ini, juruaudit perlu celik teknologi dan mengadaptasikannya dengan wajar bagi meningkatkan kecekapan, ketepatan dan kualiti audit secara keseluruhan.

Kursus Pemantapan Dokumentasi Pengauditan memberi pendedahan kepada peserta mengenai aspek-aspek penting dalam mengurus bukti audit dan mendokumenkan hasil pengauditan (pengurusan kewangan, penyata kewangan, prestasi, pematuhan) selaras dengan ketetapan piawaian antarabangsa *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*. Kursus Pengadaptasian AI dalam Tugas Audit Dalam pula memberi pendedahan kepada peserta mengenai penggunaan teknologi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence, AI*) untuk meningkatkan produktiviti kerja, termasuk dalam pengauditan.

Secara keseluruhannya, Kursus Pemantapan Dokumentasi Pengauditan dan Pengadaptasian AI dalam Tugas Audit Dalam telah memberi pendedahan kepada peserta untuk menambah baik dan menambah nilai dalam tugas pengauditan serta pentadbiran di Unit Audit Dalam.



PROGRAM DAN AKTIVITI

KUNJUNGAN HORMAT KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS) KEPADA TAN SRI KETUA PESURUHJAYA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

24 Jun 2024, Putrajaya - Delegasi KBS yang diketuai oleh YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengadakan sesi kunjung hormat ke atas YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hj. Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sesi kunjungan tersebut telah membincangkan potensi usaha sama strategik antara KBS dan SPRM untuk mempertingkatkan tatakelola bagi mencegah sebarang pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam. Usaha ini selari dengan usaha berterusan Kerajaan untuk mewujudkan jentera perkhidmatan awam yang berintegriti tinggi selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Turut hadir dalam pertemuan ini ialah YBhg. Datuk Seri Norazlan Mohd Razali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Tuan Nazli Rasyid bin Hj. Sulong, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas), Puan Lim Bee Kean, Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Puan Geetha Ramachandran, Ketua Unit Integriti KBS serta pegawai-pegawai KBS.



SPEAKER'S CORNER: ISU RASUAH DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM

12 Jun 2024, Putrajaya – Bertempat di Pusat Sumber Menara KBS telah berlangsung acara *Speaker's Corner: Isu Rasuah dalam kalangan Penjawat Awam* yang disampaikan oleh Tuan Muhammad Hafiz bin Yazid, Pegawai Siasatan Unit Integriti, Kementerian Luar Negeri. Program ini dianjurkan oleh Unit Integriti dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pengurusan, KBS.

Menerusi program tersebut, penceramah telah berkongsi maklumat dan informasi berhubung tadbir urus baik organisasi, isu ketidakpatuhan tatakelakuan dan isu-isu semasa berkaitan rasuah dalam kalangan penjawat awam.

Diharapkan program seperti ini dapat memupuk kesedaran dalam kalangan warga kerja KBS dan juga sebagai inisiatif berterusan dalam membudayakan integriti serta memupuk nilai-nilai murni ke arah pemerkasaan agenda integriti dan tatakelola baik di Kementerian Belia dan Sukan.



Unit
INTEGRITI



19 Julai 2024, Bangi, Selangor - Kursus Pengurusan Tatatertib Kementerian Belia dan Sukan Tahun 2024 telah diadakan dengan jayanya pada 17 hingga 19 Julai 2024 bertempat di Institut Semarak FELDA, Bangi. Kursus anjuran Unit Integriti, Kementerian Belia dan Sukan ini menyasarkan para pegawai yang melaksanakan fungsi Urus Setia Lembaga Tatatertib di Agensi/Jabatan/Institusi di bawah KBS, telah dihadiri oleh 48 orang peserta dari seluruh negara. Kursus ini juga telah dijayakan dengan kerjasama dan penglibatan panel penceramah daripada pelbagai Agensi iaitu Tuan Muhammad Hafiz bin Yazid, Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di Kementerian Luar Negeri, Encik Amiruddin bin Abdul Karim, Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Encik Muhammad Fikri bin Karmajaman, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam serta Puan Salwa binti Mhd Asrar, Penasihat Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

Antara pengisian kursus adalah Prosedur Pengurusan Aduan, Pengesahan dan Siasatan, Rasuah dan Salah Guna Kuasa Dalam Perkhidmatan Awam, Prosedur Tatatertib: Kuasa, Praktis dan Cabaran, Kes Tidak Hadir Bertugas, Isu Psikologi dan Perubatan, Kes Gangguan Seksual dan Skandal, Prosedur Jenayah, Surcaj dan Laporan Pihak Berkuasa Integriti, Implikasi Hukuman Tatatertib dan Perkongsian Setitik Nila, Perkongsian Kesalahan Lazim Dalam Tatatertib serta *Judicial Review* Dalam Perkhidmatan Awam. Para peserta juga berpeluang berkongsi isu, cabaran dan pandangan mengenai kes-kes yang sedang ditangani di jabatan masing-masing.

PROGRAM SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN TAHUN 2024

6 November 2024, Sepang – Hari Integriti Nasional disambut setiap tahun pada 5 November sejak diisytiharkan pada tahun 2005. Sambutan dilaksanakan dengan pelbagai aktiviti atas platform Bulan Integriti Nasional. Umumnya, sambutan Hari Integriti di KBS diraikan setiap tahun pada bulan November sebagai inisiatif berterusan untuk membudayakan integriti dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan setiap lapisan warga KBS. Hakikatnya, usaha untuk memupuk nilai dan budaya integriti sebagai cara hidup tidak boleh dilaksanakan secara bermusim atau masa-masa tertentu sahaja. Hal ini kerana peningkatan secara drastik pelbagai salah laku moral seperti kes rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa membuktikan masalah defisit integriti cukup membimbangkan.

Maka, bagi menyemarakkan sambutan Hari Integriti Nasional 2024, KBS menerusi Unit Integriti dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Sepang telah menganjurkan Program Sambutan Hari Integriti Peringkat KBS dengan tema "Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi". Antara pengisian yang dijalankan seperti ceramah Klik Dengan Bijak oleh Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM), kuiz integriti, pameran agensi dan banyak lagi.



MESYUARAT JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) PERINGKAT KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN BIL. 3 TAHUN 2024

7 November 2024, Putrajaya – YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha KBS telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Bil. 3 Tahun 2024 yang merupakan mesyuarat terakhir bagi tahun ini. Mesyuarat turut dihadiri oleh pengurusan tertinggi serta wakil-wakil pegawai KBS telah membincangkan pelbagai perkara merangkumi isu berkaitan tatacara perolehan, sistem tempahan fasiliti (STF) dan kemajuan inisiatif Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).



SPEAKER'S CORNER: KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

12 Nov 2024, Putrajaya – Bertempat di Pusat Sumber Menara KBS telah berlangsung *Speaker's Corner*: Kod Etika dan Tatakelakuan Kementerian Belia dan Sukan yang disampaikan oleh Puan Intan Zarina binti Bahri, Penolong Setiausaha Kanan Unit Integriti KBS. Menerusi program tersebut, penceramah telah berkongsi maklumat dalam Kod Etika dan Tatakelakuan KBS dan informasi berhubung tadbir urus baik organisasi, isu ketidakpatuhan tatakelakuan dan isu-isu semasa berkaitan rasuah dalam kalangan penjawat awam. Diharap program seperti ini dapat memupuk kesedaran dalam kalangan warga kerja KBS dan juga sebagai inisiatif berterusan dalam membudayakan integriti serta memupuk nilai-nilai murni ke arah pemerkasaan agenda integriti dan tatakelola baik di Kementerian Belia dan Sukan.



Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Belia dan Sukan ("Pejabat PUU") terdiri daripada tiga (3) orang pegawai undang-undang dan dua (2) orang kakitangan yang diketuai oleh Penasihat Undang-Undang Gred L13. Objektif Pejabat PUU ialah memberikan nasihat perundangan yang berkualiti, profesional, bermutu serta bertindak mengikut Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang dengan adil, cekap dan saksama kepada Kementerian Belia dan Sukan ("Kementerian").

FUNGSI

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

- Menyemak dan meluluskan kontrak, perjanjian, memorandum persefahaman dan dokumen perundangan domestik Kementerian;
- Membuat kajian undang-undang dan memberikan nasihat perundangan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkaitan berkenaan perkara yang dirujuk oleh Kementerian;
- Menyemak instrumen dan dokumen antarabangsa sebelum dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara ("AGC") untuk semakan dan kelulusan;
- Menggubal dan menyemak Rang Undang-Undang serta perundangan subsidiari selaras dengan keputusan dasar yang ditentukan oleh Kementerian dan undang-undang berkaitan sebelum dikemukakan ke AGC untuk kelulusan;
- Menghadiri mesyuarat/perbincangan dan memberikan khidmat nasihat undang-undang bagi memastikan keputusan dasar yang dibuat oleh Kementerian adalah selaras dengan undang-undang; dan
- Mengendalikan tindakan guaman bagi pihak Kerajaan Malaysia yang melibatkan Kementerian.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDANGAN

Sebanyak 715 nasihat perundangan secara bertulis dan lisan (termasuk pandangan undang-undang yang diberikan dalam mesyuarat/perbincangan) telah diberikan oleh Pejabat PUU kepada Kementerian dan agensi-agensinya di bawahnya sepanjang tahun 2024.

PENYEDIAAN, PENYEMAKAN DAN PENGGUBALAN DRAF PERJANJIAN, MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DOMESTIK DAN ANTARABANGSA SERTA LAIN-LAIN INSTRUMEN

Pejabat PUU telah menyediakan, menyemak dan menggubal beratus-ratus perjanjian, memorandum persefahaman domestik dan antarabangsa serta lain-lain instrumen sepanjang tahun 2024. Antara perjanjian, memorandum persefahaman dan lain-lain instrumen yang telah disemak oleh Pejabat PUU adalah seperti yang berikut:

- (a) draf perjanjian perolehan pembekalan dan perkhidmatan dan penyewaan yang melibatkan Kementerian dan agensi-agensinya di bawahnya;
- (b) draf *Construction Agreement* bagi projek-projek di Kementerian; dan
- (c) draf Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik India Mengenai Kerjasama Dalam Bidang Belia dan Sukan.

Pejabat

PENASIHAT UNDANG-UNDANG





BENGGEL PENYEDIAAN DRAF KONTRAK/ PERJANJIAN PEROLEHAN

Pada 17 hingga 19 Julai 2024 bertempat di Bilik Bunga Raya, Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Pejabat PUU telah mengadakan Bengkel Penyediaan Draf Kontrak/ Perjanjian Perolehan ("Bengkel") yang telah dihadiri oleh 42 orang pegawai dan kakitangan Kementerian. Penceramah Bengkel ini terdiri daripada pegawai undang-undang daripada Bahagian Penasihat AGC.

Objektif utama Bengkel ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada pegawai dan kakitangan di Bahagian/ Jabatan/ Agensi di Kementerian berkenaan kontrak/ perjanjian perolehan Kerajaan dan meningkatkan pengetahuan pegawai dan kakitangan mengenai peranan dan tugas mereka sebagai pentadbir kontrak/ perjanjian dalam penyediaan draf kontrak/ perjanjian Kerajaan. Selain itu, Bengkel ini diadakan untuk menerangkan penambahbaikan kepada draf kontrak/ perjanjian yang turut mengambil kira pemakluman terbaharu daripada AGC yang telah menambah baik beberapa klausa *boilerplates* dalam kontrak/ perjanjian Kerajaan.

Sepanjang Bengkel ini berlangsung, peserta didedahkan dengan tatacara penyediaan dan penggubalan draf kontrak/ perjanjian dengan mengikut format draf yang telah disediakan serta mendapat penekanan berkenaan terma-terma yang perlu diberikan perhatian oleh pentadbir kontrak/ perjanjian bagi memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara. Pejabat PUU juga dapat mengenal pasti masalah/ isu yang dihadapi pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab dalam menyediakan draf kontrak/ perjanjian.

SENARAI AKTA DI BAWAH KBS

- (i) Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576];
- (ii) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia [Akta 668];
- (iii) Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 [Akta 29];
- (iv) Akta Institut Sukan Negara 2011 [Akta 729];
- (v) Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010 [Akta 717];
- (vi) Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968 [Akta 810]; dan
- (vii) Akta Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri 1976 [Akta 170].



Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB) bertanggungjawab menyelia kesemua 22 buah Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). ILKBS merangkumi 8 Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), 13 Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan sebuah Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG). ILKBS memberi latihan kemahiran kepada belia berumur 18 hingga 30 tahun di bawah Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap satu (1) hingga Tahap lima (5), Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia.

ILKBS telah diperkenalkan pada 22 November 2016 sebagai satu inisiatif penjenamaan semula bagi menyatukan kesemua institusi latihan kemahiran di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Penjenamaan ini dibuat setelah mengambil kira keperluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau TVET yang dilihat kian mendapat tempat dalam agenda pembangunan negara ketika ini.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi BPKB/ILKBS kemahiran@kbs.gov.my atau mengikuti laman media sosial ILKBS.

PENCAPAIAN UTAMA TVET KBS

97.01%

Peratus Kebolehpasaran Pelajar ILKBS

RM 1,998.07

Purata Pendapatan Lulusan ILKBS

16,203

Belia dan Pekerja Industri Menerima Manfaat Latihan TVET di ILKBS pada Tahun 2024

10,255

Pelajar Sepenuh Masa

PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA

Bahagian



STRATEGI 1: TVET KBS PILIHAN UTAMA

Memaksimumkan Bakat dan Potensi Belia

- **Pertandingan Worldskills Lyon 2024**
Melibatkan **1,400 peserta** daripada 70 negara. Saudara **Nasran Ahmad (IKBN Kemasik)** telah diberi pengiktirafan dan membawa pulang **Medallion for Excellence** untuk negara.
- **Pertandingan kemahiran WorldSkills Malaysia**
 - **Worldskills Malaysia Belia (WSMB) 2024:** Pelajar ILKBS berjaya menggondol 11 pingat; **2 pingat emas, 5 perak, 4 gangsa** dan **11 sijil kecemerlangan.**
 - **Worldskills Malaysia Pengajar (WSMP):** Pengajar ILKBS berjaya membawa pulang **1 pingat perak** dan **6 sijil kecemerlangan.**
- **Penganjuran Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi ILKBS (Innovation Development Through Educational Activities 2024 - iDEA'24)**
Sebanyak **578 pasukan** inovasi terlibat dan dihoskan oleh IKBN Kuala Langat.
- **Penganjuran Pertandingan Robotik ILKBS - Youth Robot Challenge 2024 (Y-RoboC'24)**
IKTBN Bukit Mertajam sebagai hos dan penyertaan sebanyak **183 pasukan** robotik.



STRATEGI 2: MENINGKAT KEUPAYAAN BELIA SEBAGAI MODAL INSAN BERKEMAHIRAN

- **Bootcamp**
 - Sebanyak **27 program** telah dilaksanakan melibatkan **30 syarikat** tempatan dan antarabangsa.
 - Seramai **375 orang peserta** telah menerima **tawaran pekerjaan.**
- **STAR@U: MyFuture Youth Plus**
Sebanyak **60 program** telah dilaksanakan dan memanfaatkan **653 orang belia.**
- **Program Kampus Bandar Raya Johor Bahru, Johor (ILKBS City Campus Johor)**
Sebanyak **97 kursus** telah dilaksanakan dan melibatkan tiga (3) bidang/kursus iaitu Kursus Pastri, Kursus Fotografi dan Pengurusan Kafe dan memanfaatkan **1,275 orang belia.**
- **Program Youth Skills (Y-Skills)**
Sebanyak **52 program** bawah telah dilaksanakan dan memanfaatkan **1,101 orang belia.**
- **Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM)**
 - Bilangan Penyertaan: **6,051 orang.**
 - Bilangan Pentauliah: **3,000 orang.**
- **Program Latihan Kemahiran Inklusiviti Belia Autisme dan Berkeperluan Khas 2024**
105 orang pelajar telah berjaya menamatkan latihan ini dengan jayanya.



STRATEGI 3: MENINGKAT KUALITI LATIHAN DAN KEBERKESANAN TVET

- **Majlis Perasmian TVET ILKBS Sebagai Pelaksana Rintis Kursus Kenderaan Elektrik (EV) dan Hibrid**
Pengambilan pertama kursus baharu ini melibatkan **30 orang** belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berumur di antara 18 hingga 30 tahun di IKTNB Dusun Tua.
- **Kajian Kebolehpasaran Graduan**
Peratusan Kebolehpasaran ILKBS Tahun 2024 adalah sebanyak **97.01%** melibatkan 20 ILKBS dengan **purata gaji keseluruhan** adalah sebanyak **RM1,998.07**.



STRATEGI 4: MEMPERKASA KERJASAMA STRATEGIK MELALUI KOLABORASI ANTARABANGSA, INDUSTRI DAN ALUMNI

- **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Program Kerjasama Strategik TVET dan Ekonomi GIG**
 - **5 rakan strategik** antaranya **Pcari.my, TROOPERS, Foodpanda Malaysia, CARSOME** dan **Bateriku**.
 - Seramai **2,000 pelajar ILKBS** dan **3,000 belia massa** bakal menerima manfaat daripada kerjasama ini
- **Simposium Kemahiran ILKBS 2024 (SKIL'24)**
 - KBS akan mula melaksanakan program TVET Sukan dalam bidang **Pembinaan dan Penyelenggaraan Fasiliti Sukan, Permotoran Sukan (4 roda dan 2 roda)** dan **Fotografi Sukan**.
 - KBS akan mentransformasikan **IKBN Kuala Langat** kepada **Institut Kemahiran Sukan Negara (IKSN)** pada tahun **2025**. Ini akan menjadikan IKSN sebagai pusat utama TVET Sukan sekaligus berperanan sebagai **peneraju bidang Teknologi Sukan** di Malaysia.
- **Pelaksanaan Hari Kerjaya TVET ILKBS 2024**
Seramai **6,323 penyertaan** pelajar/belia dan **138 industri/ syarikat** di **6 lokasi** mengikut zon.
- **Kerjasama bersama pihak industri melalui Memorandum Persefahaman (MoU)**
 - **51 Memorandum Persefahaman (MoU)** dimeterai.
 - **45 MoU** adalah menerusi 22 buah ILKBS.
 - **6 MoU** menerusi kerjasama di peringkat nasional.



PROGRAM *RETREAT* PEGAWAI PENGURUSAN TERTINGGI DAN ANGGOTA PENTADBIRAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)



Cyberjaya, 1 Disember 2024 – Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan Program *Retreat* Pegawai Pengurusan Tertinggi dan Anggota Pentadbiran KBS, yang melibatkan YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan. Perkara utama yang diberikan tumpuan adalah mengenal pasti fokus baharu dan cadangan penambahbaikan perkhidmatan bagi pelaksanaan program-program KBS tahun 2025 yang berimpak tinggi sebagai *outcome* untuk pembangunan golongan belia dan kemajuan sukan pada masa hadapan.

Program ini juga diadakan bagi melaksanakan pembaharuan perkhidmatan KBS kepada rakyat dengan lebih cekap dan berkualiti. Penekanan ini selaras dengan hala tuju Ketua Setiausaha Negara (KSN) iaitu "penyampaian perkhidmatan perlu ditingkatkan supaya rakyat dapat menerima manfaat susulan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih pantas, mesra pengguna dan telus selain mengetengahkan inisiatif yang memberi pulangan kepada nilai wang dilaburkan" seperti yang telah disampaikan semasa Majlis Amanat Pentadbiran KSN pada 10 Oktober 2024.

BENGGEL PERANCANGAN STRATEGIK KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS) TAHUN 2025

Subang Jaya, 8 Disember 2024 – Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan Bengkel Perancangan Strategik KBS di Dorsett Grand Subang, Subang Jaya pada 8 hingga 10 Disember 2024. Pelaksanaan program ini merupakan persediaan untuk melangkah ke tahun 2025 bagi menetapkan hala tuju, membuat perancangan program serta aktiviti sepanjang tahun 2025 supaya dilaksanakan sejajar dengan keperluan serta fungsi organisasi, serta mendukung dasar-dasar nasional dengan dokumen strategik kementerian serta dasar-dasar semasa Kerajaan.



Program ini telah dihadiri oleh YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangaytkarasu, Ketua Setiausaha KBS, barisan pengurusan tertinggi kementerian serta pegawai yang terlibat dalam membuat perancangan strategik daripada setiap jabatan dan agensi. Hasil daripada bengkel ini, perkara tumpuan serta perancangan program utama bagi tahun 2025 telah dikenal pasti dalam memastikan penyampaian perkhidmatan KBS dapat memenuhi keperluan dan kehendak golongan sasaran kementerian, di samping mencapai hasrat kementerian dalam memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.

Bahagian
DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK



MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET PEMBANGUNAN BELIA BIL.1 DAN BIL.2 TAHUN 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB) telah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2024 iaitu pada 20 Mac 2024 dan 5 November 2024. Mesyuarat JKPB yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah adalah platform bagi membincangkan isu-isu pembangunan belia yang memerlukan keputusan dasar di setiap Kementerian/ Agensi berkaitan agar dapat mencapai satu kesepakatan yang menyeluruh.

Antara perkara yang telah dibincangkan ialah Indeks Kesehatan Mental Belia Malaysia (MyMHI'23) yang telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dengan kerjasama *United Nations Children's Fund* (UNICEF), pembangunan program Rakan Muda yang akan diperkasakan dengan peruntukan sebanyak RM25 juta, program Advokasi Keselamatan Siber dalam kalangan belia, Pelan Transisi Belia 2024-2025 yang dibangunkan dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia dan pelaksanaan latihan digital MY5G Ericsson Malaysia *Pioneers Programme*.



MAJLIS PELANCARAN PELAN PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI BELIA 2030

Kuala Lumpur, 5 November 2024 – YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030. Matlamat utama pelan ini dibangunkan adalah untuk Menjana Ekonomi Belia, Memperkukuh Kesejahteraan dan Inklusiviti Belia, serta Mempergiat Pembangunan Mampan.

Pelan ini telah digerakkan oleh 13 Kementerian dan 76 Rakan Kolaborasi dengan merangkumi tiga (3) matlamat utama, 10 strategi, dan 24 inisiatif antaranya bertujuan mengurangkan kadar pengangguran belia kepada 6.5% menjelang 2030, menurunkan peratusan belia NEET kepada 8.9%, serta meningkatkan purata gaji golongan belia kepada RM3,125. Antara penerima manfaat daripada pelan ini ialah belia berumur 15 hingga 30 tahun yang dikategorikan dalam lapan (8) kumpulan sasaran belia.

MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET PEMBANGUNAN SUKAN BIL.1 DAN BIL.2 TAHUN 2024

Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS) telah dilaksanakan pada 18 April 2024 dan 28 Oktober 2024. JKPS yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah adalah badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk merangka, menyelaraskan dan memantau dasar serta strategi pembangunan sukan di negara ini. Tugas utama jawatankuasa ini termasuk merancang dan melaksanakan program-program yang dapat meningkatkan mutu sukan di Malaysia selain menyelaraskan pelbagai Kementerian, Agensi, dan badan yang terlibat dalam pembangunan sukan. JKPS bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan pelbagai dasar untuk memajukan sukan di Malaysia.

Fungsi utama mesyuarat ini adalah penyusunan Dasar Sukan Negara, menyelaraskan pelaksanaan program sukan, menyediakan sumber dan pembiayaan, meningkatkan prestasi atlet, meningkatkan penyertaan masyarakat dalam sukan serta meningkatkan kualiti dan bilangan kejurulatihan.

MESYUARAT HIGH-LEVEL COMMITTEE (HLC) SUKAN TAHUN 2024

Mesyuarat *High-Level Committee* (HLC) SUKAN di KBS merupakan platform utama bagi memacu dasar dan keputusan yang melibatkan perancangan serta pembangunan sektor sukan di Malaysia. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah telah dihadiri oleh pegawai tinggi Kerajaan, termasuk wakil dari KBS, agensi Kerajaan yang berkaitan dan juga individu dari sektor swasta atau pakar dalam industri sukan sekiranya diperlukan. Mesyuarat ini memberi peluang kepada para pemimpin untuk berbincang dan menyemak dasar sukan yang boleh memacu pembangunan atlet, penyertaan masyarakat dalam sukan, dan infrastruktur sukan negara. HLC memainkan peranan penting dalam menyelaraskan usaha yang dijalankan oleh pelbagai kementerian dan agensi untuk memastikan kesepaduan dalam pelaksanaan program pembangunan sukan yang efektif dan menyeluruh.

Salah satu fungsi utama mesyuarat ini adalah untuk menilai prestasi atlet Malaysia di peringkat antarabangsa dan membuat keputusan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi memperbaiki prestasi dan menyokong persediaan atlet bagi temasya besar seperti Sukan Olimpik, Sukan Asia, Sukan SEA dan Sukan *Commonwealth*. Isu berkaitan teknologi dalam sukan dan inovasi yang dapat meningkatkan prestasi atlet, atau menyediakan kemudahan latihan yang lebih baik, turut dibincangkan dalam mesyuarat ini. Keputusan yang dicapai dalam mesyuarat HLC ini diteruskan dengan tindakan dan pelaksanaan program oleh agensi berkaitan.





“ VISI

Menerajui aktiviti jalinan hubungan antarabangsa dalam mempertingkatkan pencapaian cemerlang dan pengiktirafan belia dan sukan pada peringkat antarabangsa.

“ MISI

Mempertingkatkan dan mengukuhkan kerjasama antarabangsa dalam pembangunan belia dan sukan.

FUNGSI

BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

Menyelaras hubungan kerjasama dengan organisasi antarabangsa dan negara luar agar kerjasama dua hala serta pelbagai hala dalam agenda pembangunan belia dan sukan dapat dipertingkatkan.

OBJEKTIF

- Menyelaras pelaksanaan/penyertaan program pengantarabangsaan KBS ke arah pemerkasaan belia dan pembangunan sukan di persada dunia.
- Memudah cara jalinan hubungan antarabangsa bersama rakan strategik pada peringkat kebangsaan, serantau dan global bagi memperkukuhkan hubungan Malaysia dengan pihak luar melalui kerjasama pembangunan belia dan sukan.
- Menyediakan maklum balas terhadap hal ehwal belia dan sukan bagi meningkatkan penglibatan KBS pada peringkat bilateral dan multilateral.

HUBUNGAN ANTARABANGSA

Bahagian




MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA MALAYSIA DAN AUSTRALIA DALAM BIDANG KERJASAMA BELIA DAN SUKAN

Putrajaya, 1 Mac 2024 - Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh Bersama Menteri Sukan Australia, YB Anika Wells telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia dalam bidang belia dan sukan. MoU

tersebut menandakan komitmen kedua-dua negara dalam memperkukuhkan hubungan dua hala dalam bidang belia dan sukan.

Malaysia dan Australia telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) di Melbourne sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ke Australia. Antara perjanjian yang dimeterai termasuk MoU dalam bidang belia dan sukan. Majlis pertukaran dokumen rasmi telah disempurnakan oleh Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Mohamad Hasan Malaysia dan Menteri Luar Negeri, Penny Wong dari Australia. Upacara tersebut turut disaksikan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Perdana Menteri Australia, Anthony Albanese. Inisiatif ini dijangka mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Australia dalam bidang sukan serta memberi manfaat jangka panjang kepada pembangunan belia kedua-dua negara.





MAJLIS PEMETERAIAN DAN PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA MALAYSIA DAN INDIA DALAM BIDANG KERJASAMA BELIA DAN SUKAN

New Delhi, 20 Ogos 2024 - Malaysia dan India telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkukuhkan kerjasama dalam bidang belia dan sukan, yang telah berlangsung di Hyderabad House, New Delhi, India. Dalam upacara tersebut, Malaysia diwakili oleh Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Mohamad Hasan, manakala India diwakili oleh Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, B.N. Reddy.

MoU ini merupakan langkah strategik dalam memperluaskan kerjasama antara Malaysia dan India, khususnya dalam pembangunan belia dan usaha menangani isu doping dalam sukan. Antara bidang utama yang menjadi tumpuan dalam MoU ini termasuk inisiatif program pertukaran belia Malaysia-India serta usaha memperkukuhkan langkah-langkah pencegahan doping dalam sukan. MoU ini, yang berkuat kuasa selama lima tahun, dijangka memberi impak positif dalam mempererat hubungan kedua-dua negara serta memperkaya pengalaman dan pembangunan belia Malaysia dan India melalui pelbagai program dan aktiviti yang akan dilaksanakan.

ASIAN COOPERATION DIALOGUE (ACD) SUMMIT YANG KE-3



kualiti hidup, dan kerjasama perdagangan. Antara negara anggota ACD yang turut hadir ialah Qatar, Vietnam, Thailand, China, Indonesia, Brunei, dan Sri Lanka. Penyertaan Malaysia, yang diketuai oleh YB Menteri, telah memperkukuh hubungan diplomatik dengan negara-negara anggota serta mengukuhkan komitmen negara dalam memanfaatkan sukan sebagai alat perpaduan dan pembangunan.

Doha, 2 Oktober 2024 - YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan bersama YBrs. Puan Ramona Razali, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), dan YBrs. Encik Faedzal bin Md. Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Sukan Negara telah menghadiri Asian Cooperation Dialogue (ACD) yang ke-3 di Doha, Qatar. YB Menteri menyampaikan kenyataan negara yang menekankan peranan diplomasi sukan sebagai pemangkin hubungan antarabangsa dan pembangunan sosial.

Sidang kemuncak ini berfungsi sebagai platform utama bagi negara-negara Asia bertukar pandangan mengenai isu-isu pembangunan sosial, peningkatan

15TH ASEAN SENIOR OFFICIALS MEETING ON SPORTS AND RELATED MEETINGS

Vinh Phuc, 16 Oktober 2024 - 15th ASEAN Senior Officials Meetings on Sports (SOMS-15) telah dianjurkan oleh Sports Authority of Vietnam (SAV), Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan dengan sokongan Sekretariat ASEAN di Vinh Phuc, Vietnam. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha KBS.

Pegawai-pegawai kanan Negara Anggota ASEAN (AMS) telah menilai kemajuan ASEAN Work Plan on Sports 2021-2025. The ASEAN Senior Officials Meeting on Youth (SOMY) menegaskan kepentingan sukan dalam pembinaan komuniti dan pencapaian Sustainable Development Goals (SDGs). Mesyuarat ini turut membincangkan berkenaan penggunaan ASEAN Development Fund for the End-term Review of the ASEAN Work Plan on Sports 2021-2025. Seterusnya, mesyuarat ini juga menekankan pencapaian penubuhan ASEAN Centre of Excellence on Sports Coaching di Malaysia.

Semasa Mesyuarat 7th SOMS+Japan tumpuan telah diberi kepada pengukuhan kerjasama sukan ASEAN-Jepun di bawah Deklarasi Chiang Mai termasuk inisiatif Jepun bagi memperkasakan penyertaan wanita dalam sukan serta pendidikan jasmani bagi individu kelainan upaya. Sementara itu, 3rd SOMS+China Meeting yang diadakan memberi tumpuan kepada pemeliharaan sukan tradisional sebagai warisan budaya ASEAN-China.



13TH ASEAN MINISTERIAL MEETING ON YOUTH AND RELATED MEETINGS

Putrajaya, 30 November 2024 - Kementerian Belia dan Sukan (KBS), telah menyertai 13th ASEAN Ministerial Meeting on Youth and Related Meetings, secara dalam talian dari 28 - 30 November 2024. Berpegang kepada tema "Encouraging Youth's Contribution Towards a Cohesive Society in ASEAN," mesyuarat ini menekankan peranan belia dalam perpaduan dan pembangunan serantau.

Empat mesyuarat utama telah diadakan sepanjang persidangan ini, iaitu 13th ASEAN Senior Officials Meeting on Youth (SOMY XIII) pada 28 November 2024, 12th ASEAN+3 Senior Officials Meeting on Youth (12th SOMY+3) pada 29 November 2024, serta 13th ASEAN Ministerial Meeting on Youth (AMMY XIII) dan 9th ASEAN+3 Ministerial Meeting on Youth (9th AMMY+3) pada 30 November 2024. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim telah menghadiri AMMY XIII, sementara mesyuarat di peringkat pegawai kanan dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KBS, YBrs. Puan Ramona Mohd Razali.

Dalam mesyuarat ini, KBS menyokong Joint Ministerial Statement of the 13th ASEAN Ministerial Meeting on Youth, yang menggariskan komitmen negara-negara anggota dalam memperkasakan belia ASEAN melalui peningkatan kemahiran, kebolehpasaran dan pemerkasaan ekonomi. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025, Malaysia mengutamakan agenda belia dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif dan program pembangunan belia yang lebih inklusif dan berdaya saing.





LAPORAN TAHUNAN

2024



KBS & ESG

Bersinergi Demi Kelestarian

KBS & ESG

Menerajui **Masa Depan** Sukan dan Belia Malaysia yang Lestari, Inklusif & Berintegriti



Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terus menjadi peneraju dalam membentuk masa depan Malaysia yang lebih mampan, inklusif dan berdaya saing menerusi pelbagai inisiatif sukan dan pembangunan belia yang sejajar dengan prinsip ESG (*Environmental, Social & Governance*). Daripada penganjuran temasya sukan berskala besar hingga ke program pembangunan komuniti akar umbi, prinsip ESG sentiasa menjadi panduan utama.



ENVIRONMENTAL (ALAM SEKITAR): Sukan dan Belia Bersama Alam



Penganjuran Hijau: Temasya seperti Sukan Masters 2024, SUKMA, dan Hari Sukan Negara mengambil pendekatan menggunakan fasiliti sedia ada, meminimumkan pembangunan baharu dan mengurangkan jejak karbon.

Aktiviti Mesra Alam: Projek seperti pemasangan lampu solar di kampung pedalaman, program sukarelawan di Paya Indah Wetlands, dan pendidikan kelestarian dalam program belia memperkukuh kesedaran tentang penjagaan alam sekitar.

Sukan Hijau & Mobiliti Lestari: Acara seperti *FitMalaysia*, *e-sports* dan program kesedaran perubahan iklim melibatkan belia secara langsung dalam mempromosikan gaya hidup lestari.

Pengurangan Pembaziran & Teknologi Hijau: Dalam sukan tempur dan Hari Sukan Negara, langkah seperti pengurangan plastik sekali guna, penggunaan botol air boleh guna semula dan pengurusan sumber yang cekap diamalkan.

SOCIAL (SOSIAL): Membangunkan Insan dan Komuniti Sejahtera



Perpaduan Melalui Sukan: Dari Paris 2024 ke SUKMA Sarawak dan Sukan Masters, sukan menjadi alat perpaduan nasional yang merentasi kaum, agama, jantina dan keupayaan fizikal.

Pemeriksaan Belia: Program Rakan Muda, Projek Reben Kuning, TVET Sukan dan MPBN memberi ruang kepada belia meningkatkan kebolehpasaran, keusahawanan dan kesejahteraan mental.

Inklusiviti: Para SUKMA dan Kejohanan Sukan Tempur menonjolkan kesaksamaan peluang untuk OKU dan wanita, membuktikan bahawa sukan adalah untuk semua.

Sokongan Kesihatan Mental: Program seperti Rakan Muda dan NCEMH memperkukuh jaringan sokongan mental kepada belia, memerangi stigma dan mempromosikan kesejahteraan psikologi.

Pemeriksaan Komuniti: Melalui sukarelawan seperti HKBM dan Skwad Ihsan MADANI, belia didedahkan dengan nilai empati dan tanggungjawab sosial yang tinggi.

GOVERNANCE (TADBIR URUS): Memacu Tadbir Urus Berintegriti & Inklusif



Tadbir Urus Terbuka: KBS memperlihatkan kepimpinan yang telus dalam penganjuran acara, pembangunan belia dan pelaksanaan program sukan – semua dilaksanakan dengan melibatkan agensi kerajaan, industri dan komuniti.

Penganjuran Bertaraf Tinggi: Temasya seperti Paris 2024, Kejohanan Sukan Tempur, dan Hari Sukan Negara memperlihatkan pengurusan acara yang profesional, berintegriti dan berimpak tinggi.

Libat Urus Belia: Kembara JOM, MPBN dan townhall belia menjadi platform tadbir urus responsif, membolehkan suara anak muda diterjemahkan dalam dasar negara.

Kolaborasi Strategik: Kerjasama strategik antara negeri, kementerian dan NGO seperti MyHumanitarian memperkukuh impak sosial dan keberkesanan program.

Pengurusan Sumber Telus: Dana awam untuk sukan dan belia disalurkan secara berstruktur dan telus melalui skim khas pembangunan belia dan industri sukan.



ESG SEBAGAI TERAS Malaysia MADANI dan Visi Sukan Negara 2030



Kesemua inisiatif ini menunjukkan komitmen berterusan KBS untuk memastikan pembangunan sukan dan belia bukan sahaja berfokuskan prestasi semata-mata, tetapi turut memacu:

- Keseimbangan alam sekitar,
- Kesejahteraan sosial,
- Tadbir urus yang bertanggungjawab.

Melangkah ke hadapan, KBS terus bertekad untuk memperkukuh ekosistem sukan dan belia Malaysia sebagai pemacu utama kepada kemajuan Malaysia MADANI yang lebih mampan, inklusif dan progresif di peringkat global. ■



Penasihat
YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayakarasu



Editor
Hafizan binti Hamzah



Ketua Editor
Junainah Mohd Zaid



Sub Editor
Sarah Hanani binti Ahmad
Tajuddin Fazlirrahkim



Sub Editor
Yasarina binti Yayah



Sub Editor
Muhammad Amirul Haikal
bin Hairul Azmi



Jurufoto
Norfridaus Moiz
binti Sapian Suri



Mohammad Rosli
bin Ahmad
Bahagian Akhbar



NIK Nur Asyiqin
binti NIK Ramli
Bahagian Kewangan



Jamid bin Jalun
Bahagian Khidmat
Peminat



Noremelia
binti Rosita
Unit Integriti



Norakma
binti Sabran
Unit Audit Dalam



Mohd Hakimi bin
Hasam | Bahagian
Penerimaan
Kemahiran Bello



Kamarul Ariffin bin
Abdul Rahman | Unit
Komunikasi Korporat




Nur Aniza binti Alang
Jamal | Bahagian
Pengurusan Maklumat



Imran Nizar bin
Muhammad Yusoff
Bahagian Persekitaran



Dhiya Delea
binti Shuhri
Bahagian Hubungan
Antarabangsa



Jurufoto
Muhammad Naim
bin Mustafa Kamil



Jurufoto
Mohammad Husni
bin Baharudin



Farrah Izzatirra binti
Ashi | Bahagian
Persekitaran
Undang-Undang



Noorahariffah Fazlin
binti Alias | Unit Asas
Doping Malaysia



Saikan Sakinah
binti Sho Khaleem
Bahagian Operasi dan
Pemeliharaan Sistem



Muhammad Fatimi
Ikwan bin Zahari Man
Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia





TEAM MAS



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Menara KBS, No 27 Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62570 Putrajaya Malaysia

Tel: +603-8871 3000



www.kbs.gov.my